

**KESEMBILAN**  
*Ninth*  
**PERTAMA**  
*First*

---

**Jilid 1                      Bil. 48                      Hari Rabu                      22hb. November, 1995**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Ruangan 1)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Ruangan 37)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 1996

**Jawatankuasa:**

**Jadual -**

Maksud B. 18 (Ruangan 37)

Maksud B. 19 (Ruangan 85)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan 1996

**Jawatankuasa:**

Maksud P. 18 (Ruangan 37)

**DEWAN RAKYAT YANG KESEMBILAN****PENYATA RASMI PARLIMEN****Penggal Yang Pertama****AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Tuan Chua Jui Meng, P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dr. Leo Michael Toyad, J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Azmi bin Khalid, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Tan Chai Ho, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)

- “ Dato’ Haji Abu Dahari bin Osman, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K (Lipis)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M, J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abul Rahman (Libaran)

- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin, B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)

- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)

Yang Berhormat Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)

- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)

- “ Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)

Yang Berhormat Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)

- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Tuan Othman bin Abdul, A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)

“ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

“ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)

“ Tuan Radin Malleh (Tenom)

“ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)

Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)

Yang Berhormat Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)

“ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)

“ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)

“ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

“ Tuan Salamon bin Selamat, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)

“ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)

“ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)

“ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

“ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

“ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

“ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.. (Machang)

“ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)

“ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

“ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

“ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)

“ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

“ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)

- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr.Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T.,  
A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik

Pmk. Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin

Pelapor Perbahasan Parlimen: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

Bentara Mesyuarat: Lt Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Rabu, 22hb. November, 1995****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang****D O A****[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN****ORGANISASI SUKAN SEBAGAI BADAN PROFESIONAL -  
CADANGAN**

**1. Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menyusun semula badan-badan sukan dari segi organisasi, personel dan pentadbiran supaya menjadi badan profesional memandangkan badan-badan sukan sekarang yang ditadbir secara “part-time” mendatangkan banyak masalah dan didapati tidak sesuai dengan perkembangan dunia masa kini. Bilakah cadangan tersebut akan dijalankan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya persatuan sukan di negara kita ini ditubuh dan digerakkan secara sukarela. Selaras dengan itu, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi galakan supaya semangat kesukarelaan ini berkembang termasuk dalam menubuh, merancang dan melaksanakan kegiatan persatuan masing-masing. Ini juga ada kaitannya dengan status persatuan sukan yang hampir keseluruhannya bersifat amatur. Namun demikian, kementerian membantu persatuan-persatuan sukan kebangsaan dalam melaksanakan program latihan serta

pertandingan bagi mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh persatuan-persatuan berkenaan, seperti Rakan Sukan yang telah diaturkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Berdasarkan kepada hakikat ini, kementerian berpendapat bahawa semua urusan persatuan sukan tanah air kita ini sepatutnya dikendalikan oleh persatuan masing-masing, termasuklah mengadakan tenaga pengurusan sepenuhnya mengikut kemampuan masing-masing.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita mendengar kementerian telah menubuhkan satu undang-undang untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti persatuan-persatuan sukan supaya mendatangkan kesan yang lebih baik lagi, terutama sekali untuk mewujudkan ahli sukan dan atlet yang lebih matang, lebih baik dan lebih bermutu. Bilakah rancangan ini boleh dilaksanakan dan sama ada pelaksanaan itu dibuat sebelum Sukom 1998 berlaku?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti rancangan yang disebut oleh Yang Berhormat itu. Sebenarnya ia adalah satu akta baru, namanya Akta Pembangunan Sukan yang baru-baru ini bermula perbincangan di Kementerian Belia dan Sukan supaya kita dapat membentangkan Akta Pembangunan Sukan, iaitu akta baru ini di Parlimen pada tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kami masih dalam peringkat awalan, tetapi saya boleh memberitahu sedikit sebanyak berkenaan dengan semangat ataupun falsafah di belakang Akta Pembangunan Sukan yang kita akan bentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak negara-negara di dalam dunia ini apabila mereka mencapai kecemerlangan yang baik dalam bidang ekonomi, seperti negara Eropah dan juga beberapa negara di Timur, mereka juga berhasrat untuk mencapai kecemerlangan dalam

bidang sukan di dunia. Jadi, Malaysia juga kita nampak ekonomi kita sudah baik dan kuat, maka kita ingin melihat bahawa peserta-peserta dalam sukan dapat mencapai kecemerlangan yang tinggi di dunia.

Tetapi kita lihat persatuan-persatuan sukan yang kita ada dalam negara kita ini, mereka menghadapi berbagai-bagai masalah dan kelemahan dalaman, seperti pengurusan tidak efektif, pimpinan lemah dan tidak aktif ataupun terlampau politicking dan pickling dalaman. Semua ini adalah memberi kesan negatif kepada matlamat ataupun usaha-usaha yang kita sedang buat untuk mencapai satu tahap yang kita ingin perolehi. Jadi, dengan ini kita nampak cuma satu cara yang kita boleh buat supaya kita dapat mempercepatkan proses ini supaya persatuan-persatuan sukan di dalam negara kita dapat, dengan izin, restructure.

Jadi, Akta Pembangunan Sukan ini akan memberi kuasa yang lebih kuat kepada Kementerian Belia dan Sukan. Kita sedang merujuk kepada beberapa negara di dalam dunia, seperti Australia, USA, Sri Lanka dan sebagainya. Sebagai satu contoh, negara Sri Lanka mempunyai Akta Pembangunan Sukan yang mana akta itu memberi kuasa yang cukup besar kepada Kementerian Sukan di negara Sri Lanka sehingga Kementerian Sukan negara itu dapat menamatkan kuasa pimpinan persatuan sukan itu dan menggantikan dengan satu protem committee supaya persatuan sukan itu dapat di'restructure'. Jadi, kita tidak tahu hingga tahap mana yang kita akan mempunyai kuasa, tetapi seperti orang Putih kata, 'no power without responsibility'. Tetapi kita nampak situasi di sini 'no power' di Kementerian Belia dan Sukan, tetapi 'full of responsibility'. Apa-apa yang berlaku dalam persatuan-persatuan sukan ataupun terjadi di dalam persatuan-persatuan sukan, Kementerian Belia dan Sukan kena jawab di Parlimen dan tempat-tempat lain, jadi ini tidak adillah dan tidak sihat.

Bila sampai masanya, Akta Pembangunan Sukan itu akan dibentangkan dan kita harap Ahli-ahli Parlimen akan menyokongnya.

**Dr. Tan Chong Keng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya, sila.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini ada banyak pasukan bola sepak yang akan melantih pemain-pemain kontrak daripada luar negeri ataupun jurulatih daripada luar negeri. Saya ingin minta pandangan daripada Timbalan Menteri Belia dan Sukan terhadap perkembangan ini, adakah kita akan mengubah sukan sukarela ini menjadi sukan yang lebih profesional dengan cara ini atau tidak?

**Datuk Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kementerian Belia dan Sukan tidak campurtangan dalam pengurusan sukan dalam persatuan-persatuan sukan masing-masing, sama ada mereka ingin mengadakan pertandingan secara liga iaitu professional league ataupun secara amateur. Jikalau sesuatu persatuan sukan ingin mengadakan pertandingan secara liga atau professional league, mereka boleh mengupah pemain-pemain daripada luar negeri. Itu adalah satu dasar dan ini terpulanglah kepada persatuan-persatuan sukan yang berkenaan.

#### **SEKTOR INSURANS - PUNCA DEFISIT AKAUN PERKHIDMATAN DAN KEMEROSOTAN AKAUN SEMASA**

2. **Tuan Fu Ah Kiow** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah masalah pokok dalam sektor insurans yang telah menyebabkan pertambahan defisit akaun perkhidmatan dan kemerosotan akaun semasa negara; dan

- (b) apakah strategi dan pendekatan kementerian untuk pembangunan sektor ini supaya ia dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1994 pengaliran keluar premium bersih sebenarnya merupakan 2.8% daripada jumlah keseluruhan defisit akaun perkhidmatan. Namun begitu, masih terdapat ruang untuk memperbaiki terutama sekali melalui pembedung premium yang lebih tinggi. Di antara masalah-masalah pokok yang menyebabkan pengaliran keluar premium insurans adalah:

- (i) kewujudan kemudahan insurans semula secara automatik melalui pakatan dengan syarikat-syarikat insurans semula asing.
- (ii) modal yang rendah menyebabkan kapasiti pembendungan yang kecil; dan
- (iii) tahap pengetahuan dan kemahiran yang rendah lebih-lebih lagi dalam pengunderaitan liabiliti dan risiko-risiko khusus seperti penerbangan, minyak dan gas menyebabkan syarikat-syarikat insurans tempatan menjauhi penglibatan dalam risiko-risiko sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, strategi dan pendekatan Kementerian Kewangan yang telah dirancang untuk pembangunan sektor insurans supaya ia dapat bersaing di pasaran antarabangsa melibatkan:

- (i) Usaha-usaha untuk memperkukuhkan pengurusan dan kedudukan kewangan syarikat-syarikat insuran tempatan ke arah mewujudkan syarikat yang stabil dan menerap nilai-nilai profesionalisme dalam sektor insurans Malaysia. Untuk tujuan ini beberapa garis panduan telah dikeluarkan meliputi pelbagai aspek perniagaan dan pengurusan insurans;

- (ii) usaha untuk memantapkan lagi sektor insurans dari segi permodalan, kepakaran dan kemahiran teknikal agar dapat bersaing dengan syarikat insurans asing. Ini termasuk meningkatkan modal berbayar minimum syarikat-syarikat insurans dalam tempoh 2 hingga 3 tahun. Di samping itu, Skim Insurans bagi Risiko-risiko Besar dan Terkhusus telah beroperasi mulai dari 1994 dijangka akan terus berjaya memberi pendedahan dan memberi pengetahuan dan kemahiran kepada syarikat-syarikat insurans tempatan untuk mengunderait risiko-risiko besar dan khusus. Selain daripada itu, kerajaan telah bersetuju juga untuk mendaftarkan syarikat-syarikat insurans semula asing baru bagi menyertai pasaran tempatan. Sehingga kini 3 buah syarikat insurans semula asing telah didaftarkan dan 2 telah diberi kelulusan secara prinsip.

Pembentukan semula Malaysia Reinternational Insurance (Labuan) Ltd. (MIIL) menjadi sebuah syarikat insurans semula yang profesional dengan modal dibayar sebanyak US\$200 juta seperti yang diumumkan dalam Ucapan Belanjawan baru-baru ini, juga merupakan satu langkah ke arah mengatasi masalah tersebut.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menjualkan produk mereka, syarikat-syarikat insurans boleh dikatakan kesemuanya melantik agen-agen insurans. Agen-agen insurans ini ada yang tidak bertanggungjawab menyebabkan penipuan, misalannya dahulu kita pernah dengar soal penipuan dalam insurans motor. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk memperketatkan lagi syarat-syarat menjadi agen insurans

dengan mengenakan latihan-latihan khusus supaya agen insurans ini lebih bersikap profesional di dalam menjalankan tugas-tugas mereka? Terima kasih

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara sentiasa mengambil perhatian yang ketat atas pengendalian bidang insurans ini dan sentiasa mengeluarkan garis panduan yang tertentu untuk mengawal sebarang kecuiaan yang berlaku atau penyelewengan yang berlaku di dalam bidang insurans.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai satu permasalahan dari segi usaha underwriting dan juga usaha penyusunan semula kepada perkhidmatan tidak ketara, yang menyebabkan perimbangan negara ini agak berlaku defisit. Adakah pihak kementerian bercadang Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan sebuah konsortium antara syarikat-syarikat insurans di Malaysia ini bagi menentukan adanya sokongan kewangan yang besar daripada pihak kerajaan bagi mengurangkan kehilangan perimbangan perdagangan-perdagangan antarabangsa ini serta adakah masalah kepakaran dan juga masalah dari segi 'afiliasi' dengan syarikat-syarikat insurans antarabangsa ini harus di kawal selia oleh pihak kerajaan bagi memperkukuhkan syarikat-syarikat insurans dalam negara kita ini? Terima kasih.

**Dato' Wong See Wah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini telah dijawab. Oleh kerana dengan adanya satu syarikat MIIL yang ditubuhkan baru-baru ini merupakan satu langkah di mana kita menyatupadukan tenaga-tenaga kewangan, profesional dan teknikal di mana kita telah kumpulkan Tenaga Nasional Berhad, PETRONAS, STM, MAS, Shipping (MISC) dan institusi pelabur-pelabur seperti MPB, BBMB, Public Bank Berhad, DCB dan sebagainya supaya kita dapat kumpulkan modal kita. Ini adalah merupakan satu

langkah yang pertama di mana kita menceburkan diri dalam bidang reinsurance, supaya dapat kita membendung dan dapat kita menyimpan premium yang dikutip dan tidak mengalir keluar dari negeri ini.

### **PEGAWAI KEMAS - PERANAN MEMBANGUN MASYARAKAT BERDIKARI**

3. **Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan peranan pegawai KEMAS untuk membangunkan suatu masyarakat yang berdikari dan berilmu menjelang tahun 2020 dan berapakah jumlah bilangan pegawai KEMAS yang bertugas di negeri Sarawak dan pecahan mengikut daerah dan bahagian.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' K. Kumaran]:** Tuan Yang di-Pertua, peranan pegawai-pegawai KEMAS bagi membangunkan masyarakat berdikari dan berilmu menjelang tahun 2020 ialah melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan non-formal dan informal seperti pendidikan 'literasi-fungsian', taman bimbingan kanak-kanak, pusat kecemerlangan kanak-kanak dan program peningkatan ilmu serta kemahiran yang dikenali sebagai kelas atau kumpulan latihan kerja.

Selain daripada itu, melalui pendidikan kesejahteraan keluarga, pegawai KEMAS berperanan mengukuhkan institusi keluarga. Pejabat KEMAS di Sarawak tidak disusun mengikut daerah dan bahagian, tetapi mengikut suatu kawasan. Jumlah pegawai KEMAS yang bertugas di pejabat KEMAS negeri ialah 956 orang dan bilangan ini disesuatu kawasan adalah dalam lingkungan antara 13 pegawai bagi kawasan yang kecil kepada 66 pegawai bagi kawasan yang besar.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, apa yang kita dengar tadi oleh kerana Sarawak besarnya dekat sama

dengan Semenanjung dan baru-baru ini negeri Sarawak telah ditambahkan kerusi Dewan Undangan Negeri sebanyak 6 buah dan satu kawasan bagi Parlimen. Apa yang saya ingin bertanya di sini iaitu adakah kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan pegawai KEMAS bertugas di Sarawak selepas pembahagian kerusi yang baru?

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang mengkaji kedudukan pegawai-pegawai KEMAS di Sarawak dan ada kemungkinan bukan sahaja pegawai-pegawai akan ditambahkan tetapi aktiviti-aktiviti KEMAS juga diperluaskan di negeri Sarawak.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri dengan jawapan yang begitu bernas. [*Tepuk*] Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri rata-rata sekarang ini di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak banyak masyarakat merungut tentang kekurangan guru-guru KEMAS di dalam bidang agama untuk mengajar ilmu agama Islam kepada masyarakat di luar bandar. Jadi, apakah tindakan pihak kementerian untuk memperbanyakkan guru-guru ini dan adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan tempoh umur perkhimatan mereka daripada 55 tahun sekarang ini ke 65 tahun, kerana dalam bidang agama ini makin tua dia makin banyak ilmu. Jadi, Yang Berhormat bersetuju dengan saya atau tidak? Terima kasih.

**Dato' K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang kedua, saya bersetuju, [*Ketawa*] tetapi dasar kerajaan, ini terpulang kepada JPA. Had umur bersara bagi negara kita ini ialah 55 tahun, jikalau kita lanjutkan kepada satu golongan kita terpaksa lanjutkan juga kepada semua kakitangan yang terlibat. Ini adalah keputusan Jemaah Menteri dan saya tidak berani memberi satu jawapan di sini.

Berkenaan dengan pegawai ataupun guru agama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang sedar, umpamanya walaupun masa sekarang kementerian mempunyai guru-guru bukan pakar dalam agama tetapi guru-guru ini telah diberi latihan yang mencukupi dari segi agama Islam. Oleh sebab itu apabila kita meluaskan kelas-kelas tadika ini di seluruh tempat maka kita akan mengambil lebih guru-guru daripada golongan ahli agama. Selain daripada itu, kita menunggu sehingga pembentangan Akta Pendidikan di mana kita ada butir-butir berkenaan dengan kelas-kelas tadika ini. Oleh sebab itu sabar sedikit dalam dua, tiga minggu kita akan bahaskan. *[Tepuk]*

#### **KORRIDOR HIJAU BAGI LALUAN HAIWAN - PERANCANGAN**

4. **Datuk Dr. Kamal bin Salleh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan begitu pesatnya pambandan dan pembangunan fizikal negara yang boleh mengancam alam sekitar dan hidupan haiwan, saya ingin tahu sama ada kementerian ada rancangan untuk memastikan terdapatnya korridor hijau (green corridors) bagi laluan haiwan yang terpaksa pindah dari kawasan ke kawasan dan untuk mencari makanan dan menghubungi antara satu sama lain.

#### **Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah**

**Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini pembangunan fizikal negara memang mengambil kira perlunya diadakan kawasan hijau tetapi tidak mempunyai dasar khusus berkenaan korridor bagi laluan haiwan. Perkara ini akan terus diambil kira dalam perancangan masa hadapan melalui pendekatan perancangan dan pengurusan sumber bersatu-padu.

Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti oleh agensi yang berkenaan supaya dipelihara atau fungsinya sebagai habitat kepada spesis hidupan haiwan akan diintergrasikan dalam perancangan guna tanah dan akan dicadangkan untuk terus dipelihara atau hanya untuk aktiviti-aktiviti yang sesuai sahaja. Sekian.

**Tuan Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada kementerian mempunyai sesuatu kuasa untuk menentukan perbuatan-perbuatan ataupun tindak-tanduk yang dilakukan oleh Kerajaan Tempatan ataupun swasta di kawasan-kawasan hijau yang tidak sepatutnya dihapuskan kerana ini melibatkan kuasa Kerajaan Negeri juga. Apakah sesuatu kuasa atau tindakan yang ada kepada kementerian setakat ini untuk mengelakkan perkara ini berlaku? Terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya jawab dalam jawapan soalan asal tadi, kita tidak ada satu dasar khas bagi kawasan hijau tetapi kita memang galakkan melalui pelan perancangan struktur dan pelan perancangan tempatan supaya pelan-pelan ini akan mengambil kira kawasan-kawasan hijau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak berkuasa tempatan adalah kuasa perancangan dan sama ada kawasan hijau itu patut dipulihkan, dipelihara atau disimpan untuk selama-lamanya adalah terpulang kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengambil satu keputusan yang bijak. Dari peringkat kementerian, kita memang menggalakkan mereka, iaitu pihak berkuasa tempatan mengambil kira macam mana kita boleh mengadakan lebih kawasan hijau lagi di dalam kawasan-kawasan sensitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan environmentally sensitive adalah kawasan-kawasan di mana ekosistem dan sistem biologinya dianggap terancam seperti kawasan hutan bakau dan kawasan-kawasan hijau di mana kawasan itu telah diwartakan sebagai satu kawasan riadah, kawasan rekreasi dan ini juga termasuk kawasan habitat semula jadi dan kawasan hutan simpan semula jadi. Semua ini memang kita menggalakkan pihak berkuasa tempatan untuk mengambil kira, janganlah kawasan-kawasan seperti ini dihapuskan.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita mendengar, kadang-kadang apabila sesuatu pelan untuk memajukan sesuatu tempat disediakan tapak surau, masjid, riadah dan tempat greennya, tetapi apabila kemajuan sesuatu tempat itu sudah dibuat, tempat itu dibiarkan buat sementara dan selepas itu dimajukan semula instead of green, dengan izin, dibangunkan kondominium dan rumah-rumah besar. Jadi, Kerajaan Negeri Sarawak membuatkan satu tindakan iaitu digazetkan semua kawasan-kawasan green agar tidak boleh dimajukan melainkan ada keputusan Kabinet. Jadi, adakah Kerajaan Pusat juga mengambil tindakan yang sama agar semua kawasan-kawasan hijau di seluruh negara digazetkan dan tidak boleh dimajukan melainkan ada keputusan Kabinet? Terima kasih.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Pusat tidak ada kuasa untuk mewartakan mana-mana kawasan sebagai kawasan hijau. Perkara ini terpulang kepada pihak Kerajaan Negeri. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita ada satu laporan Strategi Pemuliharaan Negara (National Conservation Strategy Towards Sustainable Development). Melalui strategi ini kita menggalakkan pihak Kerajaan Negeri untuk mewartakan kawasan-kawasan seperti kawasan hutan simpanan, kawasan riadah, kawasan rekreasi supaya kawasan ini boleh disimpan selama-lamanya dan setakat ini lebih kurang 18.37 juta hektar telah diwartakan di seluruh negara dan ini sebagai kawasan hutan simpanan dan juga kawasan rekreasi dan sebagainya.

#### **UBAT-UBATAN - JUMLAH PERBELANJAAN**

5. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kesihatan menyatakan amaun wang yang dibelanjakan untuk membeli ubat dan bekalan setiap tahun sejak 1991. Mengapa Kerajaan gagal mengawal harga ubat yang meningkat setiap tahun serta turut menyumbang meningkat

kos penjagaan kesihatan dan inflasi. Apakah rancangan yang Kerajaan ada untuk menjadikan Malaysia kurang bergantung kepada ubat farmaseutikal yang diimport.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan untuk ubat-ubatan bagi Kementerian Kesihatan sejak tahun 1991 adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>RM</b>
1991	RM100.7 juta
1992	RM110.9 juta
1993	RM123.7 juta
1994	RM160.3 juta
1995	RM186.0 juta

Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi harga ubat-ubatan di pasaran. Sekiranya harga ubat-ubatan didapati tinggi, kementerian ini akan membincangkan perkara ini dengan pertubuhan-pertubuhan daripada industri dan perdagangan farmaseutikal di dalam sesi-sesi dialog dengan sektor swasta yang dianjurkan oleh kementerian. Dalam sesi dialog ini, cara-cara lain untuk menstabilkan harga ubat-ubatan boleh dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan cadangan untuk menjadikan ubat-ubatan sebagai barang kawalan harga. Walau bagaimanapun, ada ketikanya harga ubat-ubatan yang diimport, terutamanya 'paten drugs', dengan izin, meningkat akibat pergolakan dalam pertukaran wang asing ataupun 'exchange rate' dan faktor-faktor global lain dan perkara ini adalah di luar kawalan Kementerian Kesihatan.

Untuk menjadikan Malaysia kurang bergantung kepada ubat farmaseutikal yang diimport, kementerian ini sentiasa berusaha menggalakkan perkembangan perdagangan dan

perindustrian farmaseutikal tempatan. Kementerian ini berpendapat bahawa harga ubat-ubatan akan sendirinya terkawal dan stabil melalui persaingan yang sihat di dalam sektor farmaseutikal yang telah berkembang.

**Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengurangkan pergantungan kepada ubat import, kita tahu bahawa beberapa penyelidikan untuk mengguna pakai ubat-ubat bahan tempatan. Setakat ini apakah hasil dan berapa banyakkah yang telah dikaji selidik yang telah diguna pakai di negara ini?

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, sejak pendaftaran ubat-ubatan dimulakan pada tahun 1985, banyak ubat-ubat generic telah didaftarkan, itu yang local. Ubat-ubat tersebut yang mempunyai standard keberkesanan, keselamatan dan berkualiti adalah lebih murah jika dibandingkan dengan ubat-ubat branded dan import dari luar negara.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kos ubat dan perubatan meningkat begitu tinggi, maka timbul sekarang ini jualan ubat dalam bentuk 'direct selling' yang begitu menjadi-jadi di Malaysia. Ubat yang dijual secara direct selling tumbuh begitu hebat dalam Malaysia sekarang. Apakah pihak Kementerian Kesihatan tidak mengawal pertumbuhan ini untuk menentukan kualiti ubat yang dijual secara direct selling ini menepati kehendak-kehendak kesihatan?

**Dato' M. Mahalingam:** Saya fikir itu semua 'unscheduled drugs', bukan 'scheduled drugs.'

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada dua soalan. Dia tanya dua soalan tambahan, tak ada lagi. Semalam saya beri Yang Berhormat chance, hari ini tidak ada lagi. *[Ketawa]*

## **MENAIKKAN TARAF KEPADA KOLEJ PERTANIAN**

6. **Puan Chua Soon Bui** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian bercadang meningkatkan taraf Pusat Latihan Pertanian Timbang Menggaris di daerah Kota Belud, Sabah, kepada sebuah Kolej Pertanian dengan menawarkan kursus-kursus diploma supaya mengisikan keperluan pekerja-pekerja pertanian yang mahir di masa akan datang.

### **Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Pusat Latihan Pertanian Timbang Menggaris di Daerah Kota Belud adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Sabah, dan setakat ini Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah tidak ada rancangan meningkatkan taraf pusat tersebut kepada sebuah Kolej Pertanian.

Walau bagaimanapun, berasaskan kepada perkembangan teknologi semasa, sistem latihan di Pusat berkenaan akan diubah suai dan dinaikkan taraf ke Politeknik dengan menggunakan syllabus baru yang telah dipersetujui antara Institut Pertanian Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Langkah-langkah tersebut sedang dilakukan, dan kita sedang menunggu jawapan atau kelulusan dari Jabatan Perkhidmatan Awam.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sesudah nanti kenaikan taraf ini dilakukan, adakah kerajaan ataupun kementerian bercadang untuk mengadakan penyelidikan bukan sahaja dari segi pengeluaran bahan makanan supaya dapat dieksport ke luar negeri, tetapi juga buah-buahan, terutama buah-buahan tempatan yang bermusim, di mana kalau tidak dapat dijual di pasaran tempatan, maka ia akan terbiar begitu sahaja, oleh kerana tidak ada penyelidikan sama ada boleh dieksport dengan pemerosesan. Jadi, itu saya ingin bertanya sama ada ada cadangan berbuat demikian?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa sesuatu tugas di bawah kementerian telah

dikhususkan kepada agensi-agensi atau jabatan-jabatan tertentu. Pusat Latihan Pertanian atau yang akan naik taraf kepada politeknik ini hanya khusus untuk melatih kakitangan-kakitangan di bawah jabatan ataupun kakitangan awam yang hendak diberi pengetahuan mengenai ilmu pertanian. Manakala badan untuk penyelidikan hanya khusus diberi kepada MARDI. MARDI lah yang sepatutnya membuat R&D sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, tidak badan-badan yang lain.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk menambahkan lagi Kolej Pertanian ataupun agensi pertanian untuk melahirkan lebih ramai lagi pekerja-pekerja pertanian yang mahir di masa-masa yang akan datang?

**Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, sehingga ini pengeluaran kakitangan-kakitangan berijazah boleh dikatakan sudah mencukupi daripada universiti-universiti tempatan. Apa yang kurang pada masa ini ialah bertaraf juruteknik ke bawah ataupun juga pemegang-pemegang sijil pertanian. Jadi, dengan sebab itu, kementerian saya sedang memohon kebenaran dengan JPA supaya enam buah lagi institut pertanian dapat dinaikkan kepada politeknik tadi, seperti di Bumbung Lima, Kedah; Parit, Perak; Serdang, Selangor; Lipis, Pahang; Besut, Terengganu; Air Hitam, Johor.

Jadi, tentang pegawai-pegawai atau kakitangan degree, maka memadai apa yang dikeluarkan oleh universiti di dalam negara dan juga di luar negara.

## PERBADANAN PEMBANGUNAN WAKAF - PERANAN

7. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang** minta Perdana Menteri menyatakan apakah skop dimainkan oleh Perbadanan Pembangunan Wakaf (Malaysia) untuk membangunkan hartanah wakaf mengikut perancangan yang sistematik berdasarkan sistem pengurusan moden.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada Perbadanan Pembangunan Wakaf Malaysia ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Bagaimanapun, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Tanah Wakaf Malaysia. Di antara bakal fungsi penubuhan jawatankuasa itu ialah:

- (i) menjadikan Institusi Wakaf dan Baitulmal sebagai institusi berdaya maju untuk memberi khidmat bakti yang lebih bermakna kepada pembangunan ekonomi negara.
- (ii) membantu negeri-negeri dengan memberi khidmat nasihat mengenai contoh, pembangunan tanah wakaf serta masalah undang-undang untuk memudahkan pihak Majlis Agama Islam Negeri-negeri membangunkan tanah wakaf; dan
- (iii) memberi peluang pekerjaan seluas mungkin melalui projek perniagaan, penubuhan industri besar, kecil dan lain-lain projek yang dibolehkan di atas tanah wakaf.

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana masih adanya bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri di bawah Enakmen

Pentadbiran Agama Islam, termasuklah di dalam mengendalikan tanah wakaf, maka sejauh manakah pihak Jabatan Perdana Menteri dapat mengawasi dan menyalurkan daripada tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Jabatan Agama Negeri berhubung dengan tanah wakaf sehingga ini?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan tadi bahawa kita akan bercadang berusaha untuk menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Pembangunan Tanah Wakaf Malaysia dan sudah saya jelaskan di antaranya apabila jawatankuasa ini ditubuh di antara fungsi-fungsinya ialah kita akan memberitahu kepada Jabatan Agama Islam negeri-negeri supaya mengikut peraturan dan contoh-contoh yang kita laksanakan. Inilah di antara sebabnya kita akan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu tersebut. Saya percaya, apabila jawatankuasa ini ditubuhkan, yang mana akan dipengerusikan oleh pihak berkuasa negara dan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang yang berilmu sama ada agama dan sebagainya, saya percaya perkara ini boleh dilaksanakan dan boleh diikuti oleh negeri-negeri yang berkenaan.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said:** Soalan tambahan. Se jauh manakah usaha-usaha murni Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) memajukan tanah-tanah wakaf di seluruh negara?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Saya ingat minta maaf Yang Berhormat, saya tidak pasti kerana tidak ada berkaitan dengan perkara ini. Saya percaya saya boleh beri jawapan kemudian. Terima kasih.

#### **PROGRAM RAKAN MUDA - KEJAYAAN DICAPAI**

8. **Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:
- (a) sejauh manakah kejayaan yang dicapai di dalam pelaksanaan Program Rakan Muda;

- (b) bilangan belia-belia yang terlibat di dalam Program Rakan Muda; dan
- (c) adakah kerajaan telah berpuas hati terhadap penglibatan belia di dalam Program Rakan Muda. Jika tidak apakah langkah-langkah yang perlu diambil.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Program Rakan Muda adalah program sosial bersifat jangka panjang. Kejayaan program akan dilihat dari segi impak keseluruhan proses pembinaan dan pembangunan negara. Pada kedudukan sekarang adalah masih awal untuk mengukur impak sosial yang terhasil dari pelaksanaan program. Walau bagaimanapun, kajian awal yang dibuat pada pertengahan tahun ini menunjukkan bahawa:
  - (i) Generasi muda adalah terdorong untuk menyertai program-program membina, yang bermanfaat kepada diri mereka dan sekali gus membawa manfaat kepada negara.
  - (ii) Gerakan Pembangunan Belia telah dapat dihidupkan semula dan ditingkatkan dengan melibatkan NGOs dalam pelaksanaan program.
  - (iii) Dilihat dari sokongan masyarakat pula, kejayaan besar program ini adalah sokongan yang sungguh baik dari anggota masyarakat khususnya para ibu bapa dan pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengetahui kejayaan dan kelemahan program secara lebih tepat, Kementerian Belia dan Sukan bermula

pertengahan Oktober tahun ini hingga penghujung Disember tahun ini sedang menjalankan penilaian program meliputi:-

- (a) Penilaian Pencapaian Program berbanding objektif.
- (b) Penilaian Keberkesanan Jentera dan Sistem Perlaksanaan.
- (c) Penilaian Awal Impak Sosial Program.

Melalui penilaian ini Kementerian Belia dan Sukan berharap bermula awal Januari tahun depan, Program Rakan Muda akan dapat ditingkatkan lagi perlaksanaannya dan menjurus kepada matlamat pengwujudannya.

- (b) Sehingga 31hb. Ogos tahun ini, seramai 430,831 belia dan beliawanis telah mengikuti Program Rakan Muda di seluruh negara. Manakala 505,299 peserta lagi dijangka akan berpeluang mengikuti program yang telah dirancang dari 31hb. Ogos tahun ini hingga penghujung tahun ini.
- (c) Pada keseluruhannya, Kementerian Belia dan Sukan berpuas hati dengan minat dan penglibatan belia dalam Program Rakan Muda. Walau bagaimanapun, kementerian akan mengambil beberapa langkah untuk menjadikan perlaksanaan Rakan Muda lebih menyeluruh dan berkesan. Antara langkah-langkah tersebut ialah:-
  - (i) meningkatkan usaha dan membangunkan strategi bagi menarik lebih ramai penyertaan remaja lepasan sekolah dan golongan pekerja di bawah 25 tahun;

- (ii) meningkatkan usaha dan membangunkan strategi bagi meningkatkan keupayaan NGOs mengurus dan melaksana program;
- (iii) meningkatkan kualiti kurikulum dan modul aktiviti Program Rakan Muda; dan
- (iv) meningkatkan jumlah serta keupayaan fasiliti dan kemudahan bagi melaksanakan program ini.

**Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kebanyakan Program Rakan Muda ini tertumpu di kawasan bandar. Apakah rancangan kementerian Yang Berhormat untuk mempertingkatkan dan memperbanyakkan Program Rakan Muda di luar bandar yang lebih berkesan? Terima kasih.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Program Rakan Muda ini adalah ditumpukan kepada bandar-bandar. Ini adalah tidak benar. Sebenarnya kita menjalankan Program Rakan Muda ini di seluruh negara khasnya kita ingin melihat belia-belia dari seluruh negara menyertai program ini dan kelompok-kelompok belia yang berpotensi melepak iaitu belia antara umur 17 dan 25 tahun adalah matlamat asal program ini. Jadi ada banyak program yang telah diadakan. Sepuluh gaya hidup telah diwujudkan dan belia-belia melibatkan diri dalam mana-mana program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh kementerian saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh manakah penglibatan belia-belia daripada masyarakat bukan Melayu kerana terdapat beberapa aduan bahawa Program-program Rakan Muda yang dirancang adalah tidak berapa teratur seperti yang dibuat oleh YAM. Adakah kerajaan

sedar tentang aduan seperti ini dan juga adakah pihak kementerian juga akan menjemput pertubuhan-pertubuhan pemuda parti politik untuk menyertai atau melibatkan diri dalam program tersebut. Tidak hanya menumpukan kepada parti politik komponen Barisan Nasional sahaja dari MCA, mungkin boleh jemput yang lain. Adakah pihak kementerian bercadang berbuat begitu. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Dalam Negeri pun boleh diundang, bakal Presiden Pemuda MCA.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu tanya soalan, selalunya berbau politik. Ini buang masa kitalah.

Untuk menjawab soalnya Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa belia dari kaum bukan Melayu kurang berminat pada tahap ini, menyertai Program Rakan Muda ini. Saya telah jawab beberapa kali dalam Dewan ini Kementerian Belia dan Sukan sedang mengkaji apa masalahnya ataupun faktor-faktor yang mengakibatkannya dan langkah-langkah akan diambil supaya kaum-kaum bukan Melayu khususnya kaum Iban, Kadazan, India, Cina dan sebagainya dapat menyertai program yang begitu baik ini, jadi langkah-langkah ini akan diambil dan bilangan Pegawai Daerah Belia dan Sukan pun akan tambah dari satu ke tiga dan Kementerian Belia dan Sukan akan mengambil Pegawai-pegawai Daerah bukan Melayu supaya informasi-informasi dapat disalurkan kepada kaum-kaum bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang kedua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat, bahawa Kementerian Belia dan Sukan tidak minta ataupun tidak menubuhkan Program Rakan Muda itu kepada ahli-ahli politik dari parti-parti komponen Barisan Nasional, cuma oleh kerana kebanyakan ahli-ahli politik parti-parti Barisan Nasional terlibat atau melibatkan diri dalam persatuan-persatuan belia kerana mereka lebih rajin, [*Tepuk*] lebih hendak menyumbang, bukan seperti ahli-ahli parti DAP, malas sahaja, persatuan-persatuan sukan pun tidak ingin melibatkan diri ...

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu sudah berbau politik, itu sudah politik!

**Dato' Loke Yuen Yow:** Soalan you sudah berbau politik, jadi saya jawab politik juga, apa salahnya? Dengan izin, tooth for the tooth. Jadi, saya mintalah, kalau ada ahli-ahli politik parti-parti komponen Barisan Nasional melibatkan diri dalam Program Rakan Muda ini bukan kerana mereka menyertai program ini melalui parti politik tetapi melalui persatuan-persatuan belia yang berkenaan. Jadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan cemburulah, terima kasih.

#### **MAKLUMAT SUBVERSIF INTERNET - SEKATAN**

9. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah di antara elemen-elemen maklumat subversif dan negatif yang telah dikesan menerusi internet dan apakah pula langkah-langkah yang telah dan akan dilakukan untuk menyekat penyaluran masuk maklumat-maklumat sedemikian ke Malaysia di masa akan datang.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini maklumat subversif masih belum dikesan melalui internet. Namun demikian, memang terdapat pandangan yang kurang tepat atau mengelirukan yang tersebar melalui internet oleh pihak-pihak tertentu.

Kerajaan berpendapat kaedah yang berkesan untuk menangani masalah ini ialah dengan menerbitkan dan menyebarkan maklumat yang tepat melalui internet untuk menangkis semua pandangan dan maklumat yang negatif. Sebagai langkah permulaan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan menerbitkan "Malaysian Home Page" melalui internet. Ini sedang dalam proses pelaksanaan.

**Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita sedar bahawa 'access provided', dengan izin ataupun pembekal saluran ke worldwide web di Malaysia adalah JARING.

Adakah pihak kementerian sedar, banyak lagi beberapa ‘access providers’ yang wujud di dalam negara ini? Sekiranya pihak-pihak pengguna ataupun mereka yang akan mengembara ke alam cyber menggunakan ‘access provider’ yang lain daripada JARING, bagaimanakah kerajaan akan menyekat penyaluran maklumat yang mungkin subversif ke negara ini?

**Dato’ Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar tentang perkara ini dan tindakan-tindakan yang sewajarnya sedang diambil.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang bukan jawapan.

Soalan tambahan. Nampaknya kerajaan sudar menukar fikiran daripada sikap dua bulan dahulu di mana yang ada disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan bahawa kerajaan mahu mengambil tindakan untuk sensor access internet oleh kerana pornography dan berita-berita atau ‘discussion group’ yang subversif, sekarang kata tidak boleh sensor akan memberi pandangan yang lain. Adakah ini bererti bahawa jawatankuasa inter-ministry yang ada diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan, tetapi tidak masuk anggota-anggota daripada Kementerian Pendidikan, telah dibubarkan atau adakah inter-ministry ini sudah bersidang, bekerja dan kalau begitu apa terms of reference dan apa tugas tujuan inter-ministry ini?

**Dato’ Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada high-powered committee, dengan izin, yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu international information technology. Kita ada high-committee.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bukan itu international information technology, bukan .....

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang:** Diam-diamlah! Apa sibuk-sibuk sahaja?

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Yang Berhormat, terus sahaja kepada soalan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya ialah, jawatankuasa inter ministry yang telah diumumkan oleh Menteri Penerangan. Itu soalan spesifik.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order. Ini soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Dia menjelaskan soalan, Yang Berhormat. Sila duduk Ahli Yang Berhormat dari Rompin.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan spesifik, bukan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Soalan saya, ialah satu jawatankuasa inter- ministry yang telah diumumkan oleh Menteri Penerangan oleh kerana mahu sensor access internet, bulan Sptember yang lalu, tentu Yang Berhormat tahu dan apa yang sudah berlaku. Adakah jawatankuasa inter-ministry itu untuk sensor internet sudah dibubarkan atau terus ada tugas dan kalau begitu, apa tugas apa terms of reference? Bukan national information tekchnology council yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bukan itu.

**Dato' Abu Bakar bin Daud:** Tuan Yang di-Pertua, itu di dalam bidang Kementerian Penerangan, boleh tanya dialah.

**Beberapa Ahli:** Malulah! Malulah!

#### **PUSAT PEMBEDAHAN JANTUNG - DESENTRALISASI**

10. **Tuan Haji Mustafa bin Muda** minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan bertambahnya pesakit-pesakit jantung dan terdapatnya hanya satu pusat pembedahan jantung hanya berada di Kuala Lumpur iaitu IJN dan menjadi kesukaran kepada pesakit-pesakit jantung yang berjauhan untuk mendapat rawatan segera terutama di Timur Semenanjung iaitu Terengganu dan Kelantan serta Pahang. Adakah kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan untuk menambahkan pusat-pusat rawatan jantung di kawasan Timur Semenanjung termasuk

Sabah dan Sarawak dan sekurang-kurangnya 2 pusat Institut Jantung Negara ditempatkan di Terengganu dan Wilayah Timur Semenanjung Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang mencadang untuk desentralisasi dan memperluaskan perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik ke hospital-hospital negeri, tetapi proses ini sedang dilaksanakan secara berperingkat berasaskan keupayaan kemudahan, kewangan dan kakitangan terlatih di Kementerian Kesihatan.

Dalam tahun 1994, Jabatan Kardiologi dan Kardiotorasik telah ditubuhkan di Hospital Pulau Pinang. Dalam tahun 1996, jabatan ini akan diwujudkan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dan pada tahun 1997 di Hospital Kuching, Sarawak.

Bagi hospital-hospital negeri (Kementerian Kesihatan) yang lain, perkhidmatan kardiologi dan kardiotorasik ini disediakan sebagai sebahagian dari perkhidmatan di Jabatan Perubatan Am dan Jabatan Pembedahan Am.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa ini IJN telah berkesan sebagai sebuah pusat pakar rawatan jantung di negara ini tetapi kita dapati bahawa kos rawatan dan pembedahan masih amat tinggi. Oleh kerana wujudnya kekurangan doktor pakar, maka kita dapati ada queue untuk mendapatkan rawatan di IJN, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan kos perubatan ini dan mempertingkatkan jumlah doktor pakar bagi memastikan perkhidmatan yang lebih baik diberikan kepada rakyat.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, kos pembedahan di IJN adalah yang termurah di negara ini iaitu di antara RM14,000 hingga RM16,000, manakala pihak swasta meningkatkan bayaran di antara RM25,000 sehingga RM30,000.

**Dr. Tan Kee Kwong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak meminta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah garis panduan untuk pembayaran di klinik IJN yang mana saya dapat tahu ada seorang pesakit, sebelum dapat consultation, dengan izin, minta bayar wang cagaran RM800.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, butir-butir lanjut masih belum saya dapati, saya minta notis dari Ahli Yang Berhormat.

### **BIASISWA ANJURAN JPA - KESULITAN PELAJAR**

**11. Tuan Jacob Dungau Sagan** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ringgit Malaysia yang diperuntukkan setiap pelajar di bawah biasiswa anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tiap-tiap negara di mana pelajar tersebut dihantar. Adakah kerajaan sedar bahawa di setengah-setengah tempat terutamanya di England dan khususnya London peruntukan itu tidak mencukupi untuk kehidupan yang selesa bagi pelajar tersebut. Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk meringankan kesusahan pelajar yang ditempatkan di bandar raya di mana 'cost of living' itu sangat tinggi.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan perbelanjaan kepada pelajar-pelajar di bawah biasiswa anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam di luar negara adalah berbeza. Kadarnya ialah seperti berikut. Bagi ijazah pertama bersama dengan tarikh terakhir ianya dikaji:

<b>Negara</b>	<b>[Sebulan]</b>
Amerika Syarikat	- US\$562 (tahun 1999)
United Kingdom	- L335 (tahun 1992)
Jepun	- 120,000 Yen (tahun 1987)
Korea	- 404,588 Won (tahun 1991)
Indonesia	- RM452 (tahun 1980)
India	- R52,770 (Indian) (tahun 1981)

Pakistan	-	Rs52,540 (Pakistan)(tahun 1981)
Australia	-	A\$531 (Tahun 1989),
New Zealand	-	NZ\$536 (Tahun 1989),
Perancis	-	Fr 3,670 (Tahun 1983)
Kanada	-	Can.\$550
Mesir	-	RM770 (Tahun 1987);
Germany	-	DM 1,577 (Tahun 1982);
Jordan	-	RM1,044 (Tahun 1991)
Maghribi	-	RM770 (Tahun 1986).

Kerajaan juga dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji mengenai kedudukan kewangan pelajar-pelajar di luar negeri.

**Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua , dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ternyata JPA telah membuat kajian dari tahun 1980 dan berakhir pada tahun 1993, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa, dengan izin, cost of living, di sesetengah negara tersebut telah meningkat dan ini menyusahkan penuntut-penuntut kita yang ada di luar negara kerana terpaksa untuk mencari kerja untuk menampung pembelajaran mereka.

Jadi, bilakah kementerian akan membuat kajian semula untuk memastikan anak-anak Malaysia yang berada di luar negara ini dapat menumpu sepenuhnya kepada pelajaran dan bukan mencari kerja untuk menampung pembelanjaan pelajaran.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menunjukkan prihatin terhadap penuntut kita di luar negara. Insya-Allah kita akan terus, sebagaimana saya maklumkan tadi, dari

semasa ke semasa untuk mengkaji perkara ini. Dari segi perubahan kos kehidupan, ini memang berlaku sepanjang masa, Tetapi ianya tidaklah dikajikan setiap tahun, tetapi di antara tahun-tahun tertentu. Sebagaimana yang sama bacakan tadi, perubahan ini bagi sesetengah negara ia lebih cepat dari kedudukan di negara-negara yang lain. Sebab itulah kalau ikut apa yang saya sebutkan tadi, ada banyak negara-negara yang kita kaji sudah lama dan belum dikajikan semula. Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat itu akan kita ambil kira dan saya akan minta supaya pihak JPA memberi perhatian supaya dikemaskinikan. Sekurang-kurangnya ada laporan semasa. Bukan sekadar kajian tetapi laporan semasa supaya kerajaan termaklum, yang mana yang perlu dikaji atau pun tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 27 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]*

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****Bacaan Kali Yang Pertama****RANG UNDANG-UNDANG HAK MILIK STRATA (Pindaan) 1995.**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Rang Undang-undang Hak milik Strata (Pindaan) 1955 di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 1996**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1996 dan Anggaran Pembangunan 1996 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Keempat]*

**Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.18 [Jadual] -**

**Maksud P.18 [Anggaran Pembangunan, 1996] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kepala Bekalan B.18 dan Kepala Pembangunan P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. Kubang Kerian.

**3.35 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, Masalahnya ialah 020000 - Perhutanan - kita mengetahui bahawa mutakhir ini, masalah perhutanan menjadi tajuk perbincangan di peringkat dunia termasuklah di peringkat Bangsa-bangsa Bersatu dan Malaysia salah sebuah negara yang banyak hutan, yang dianggap memberi sumbangan kepada keadaan alam sekitar di dunia ini. Tuan Pengerusi, setakat ini bolehkah pihak kementerian menyenaraikan negeri-negeri di Semenanjung ini yang tidak mengikut peraturan dan tidak mengikut kuota yang ditentukan oleh kerajaan pusat dari segi penebangan hutan dan sejauh mana kerjasama yang diberikan oleh pihak kerajaan negeri terhadap kerajaan pusat tentang kawalan hutan kita yang begitu cantik di Malaysia sekarang ini.

Kerajaan juga selalu menggalakkan ataupun ada undang-undang iaitu bila satu kali tebang hutan-hutan balak dan sebagainya, maka perlu ditanam semula. Saya ingin tahu setakat mana kerja tanam semula ini dilakukan oleh pihak pembalok dan juga negeri mana yang tidak mengikut peraturan-peraturan di sudut tanam semula kayu-kayu yang telah diambil ini. Kita tahu bahawa undang-undang yang ada, pembalok tidak boleh menebang kayu di sekitar 30 meter dari sungai. 30 meter lebih kurang dekat dengan 100 kaki, agak jauh dari tebing sungai. Tetapi bila kita naik bot di sungai-sungai yang panjang, misalnya, dari Kuala Tembeling ke Taman Negara, kita boleh lihat pokok-pokok yang tumbang ke dalam sungai, bukan akibat ribut taufan, tetapi kesan daripada ditebang oleh manusia.

Jadi, perkara ini amat serius kalau peraturan itu tidak diikuti dan sejauh mana penguatkuasaan dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengawasi perkara ini supaya pokok-pokok ditebing sungai tidak diusik, sebab hutan-hutan kita tidak dijaga dengan begitu baik menyebabkan kita lihat mutakhir ini, bila berlaku sahaja sedikit hujan maka banjir besar berlaku. Misalnya sekarang, kita yang berkereta biasa tidak dapat balik ke Kuantan ataupun

Kelantan kerana di Karak terputus jalan, sedangkan hujan tidaklah selebat mana yang turun sekarang ini tetapi jalan sudah terputus, bukan akibat hujan yang begitu lebat tetapi kita lihat dari hakisan yang begitu dahsyat berlaku di kawasan tinggi, di mana penebangan berlaku secara tidak ikut peraturan.

Begitulah juga berlaku di Gemas baru-baru ini, sebuah jambatan di wash way, hilang terus begitu sahaja dalam hujan yang turunnya bukanlah begitu lebat sangat, tetapi berlaku banjir kilat yang begitu dahsyat. Kita harap pihak kerajaan tidak bertolak ansur dalam masalah ini, terutama dalam memelihara hutan, kerana kita lihat mutakhir ini temperature ataupun suhu di negara kita telah begitu rosak. Cameron Highlands, misalnya, yang diiklankan sebagai tempat sejuk, kalau tahun lepas kita diberitahu bahawa 3 darjah celcius adalah berbeza daripada 5 tahun dahulu, sekarang sudah hampir 4 darjah celcius atau 5 darjah celcius. Cameron Highlands tidak lagi menjadi tempat sejuk kerana di situ tumbuhnya kondominium yang begitu banyak dan hutang ditebang dengan, barangkali mengikut peraturan, tetapi peraturan itu dibuat selepas ada permohonan dari taicoon-taicoon ataupun tauke-tauke besar maka

peraturan-peraturan asal boleh diubah semata-mata hendak mengambil hati golongan ini yang menyebabkan rosak segala bentuk muka bumi dan sekarang kita dilanda banjir dengan begitu mudah, hujan sedikit, runtuh sana, runtuh di sini dan lalu lintas jalan raya kita lihat selalunya tergendala.

Tuan Pengerusi, kita lihat bahawa banyak tanah kosong, ataupun apabila kita naik kapal terbang dari Ipoh ke Kerteh, kita boleh lihat bagaimana botaknya hutan-hutan kita. Usaha tanam semula hutan ini tidak diikuti oleh pihak yang diberi tanggungjawab dan penegasan yang diberi oleh kerajaan mesti ditegaskan lagi.

Satu perkara yang dibuat di Pahang adalah satu perkara yang baik iaitu hutan-hutan ataupun kawasan di pinggir hutan ditanam dengan rotan dan juga manau. Rotan dan manau ini 10 tahun sudah boleh mendatangkan hasil dan ianya mendatangkan pendapatan yang baik kepada para petani.

Sejauh mana usaha kerajaan supaya rotan dan manau ini ditanam di negeri-negeri lain supaya ianya dapat menggantikan pinggir-pinggir hutan ataupun tanah-tanah rang di pinggir hutan yang tidak diusahakan kerana tanaman rotan dan manau ini boleh mendatangkan hasil yang cepat dan boleh menjadi satu daya untuk menahan gerak bumi ataupun menahan bumi daripada runtuh dan sebagainya bila hujan lebat. Maka usaha-usaha ini hendaklah dipertingkatkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, itu sahaja pandangan saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Kota Melaka.

**3.41 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 iaitu Perhutanan dan di sini saya ingin bertanya tentang usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa semua kerajaan negeri mengikut arahan supaya mewartakan estet hutan kekal kerana mengikut laporan terkini oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, pada tahun lepas hampir 11,000 hektar hutan kekal telah dilepas wartakan iaitu pewartakan mereka telah dibatalkan dan ini berbanding dengan hanya 7,699 hektar tanah yang diwartakan.

Kalau kita tengok angka-angka ini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perhutanan, adalah diperhatikan bahawa untuk Semenanjung Malaysia sahaja, nanti ada butir-butir untuk negeri

Sarawak dan Sabah. Ini kerana laporan mereka tidak dibentangkan di Parlimen tetapi hanya di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Tetapi untuk Semenanjung Malaysia, kira-kira 4.5 juta hektar hutan kekal di mana 186,341 hektar hutan kekal dicadangkan untuk diwartakan oleh kerajaan negeri di Semenanjung Malaysia. Tetapi dari 186,341 hektar hutan yang dicadang diwartakan, hanya 7,699 hektar hutan sahaja yang diwartakan. Ini satu jumlah yang begitu kecil dan di Semenanjung Malaysia. Hanya Terengganu sahaja yang mewartakan hutannya iaitu 7,700 yang saya sebutkan tadi tetapi tidak sampai 10% pun, kerana mereka bercadang mewartakan 96,179 hektar dan wartakan 7,629 hektar. Tidak sampai 10% pun.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kementerian, pewartaan hutan kekal ini adalah penting supaya kita dapat memenuhi komitmen mereka kepada International Tropical Timber Organisation (ITTO) supaya kita dapat memenuhi sasaran ITTO untuk menghasilkan balak daripada, dengan izin, sustainably managed forest dalam tahun 2000.

Kalau hutan kekal tidak diwartakan, bagaimana kita boleh memenuhi komitmen kita kepada ITTO dan apakah akan terjadi kepada hutan di negara kita jika lebih hutan, pewartaan mereka dibatalkan berbanding dengan pewartaan yang kurang. Saya rasa inilah trend yang akan berlaku kerana hendak tanah, hendak balak lepas batalkan pewartaan. Untuk wartakan semula, kurang.

Mungkin itulah politik balak yang akan melanda Semenanjung Malaysia yang kian telah menghantui politik negeri Sarawak di mana seorang Menteri Kabinet, Datuk Amar James Wong Kee Min merupakan salah satu 'raja balak' di negeri Sarawak dan saya tidak tahu mengapa saya punya soalan tentang saham-saham di BSKL - Pan-Global Allied tidak dijawab langsung, tidak berani menjawab. Sungguhpun ada unsur-unsur tidak beretika, melanggar arahan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak

dijawab. Apa yang terjadi ini? Adakah rasuah akan ditutup sepertimana yang berlaku dalam kes melepaskan pewartaan hutan kekal?

Saya harap pihak kementerian boleh serius dalam perkara ini kerana nampaknya Yang Berhormat Menteri tidak cukup 'ummph'. Tidak ada kuasa. Arahannya diketepikan, tidak dipandang tinggi, dipandang rendah. Apa gunanya jadi menteri seperti ini kalau dia punya cadangan tidak diikuti. Malah di negeri Perak, negeri dia sendiri, 492 hektar degazetted, dengan izin, dilepaskan pewartaan dan diwartakan semula '0'. Makan '0', itulah, negeri dia sendiri pun tidak hormati dia. Macam mana jadi menteri, saya pun tidak tahu.

Negeri Johor, yang paling teruk sekali di antara 5 negeri dan negeri Pahang. Tadi, Yang Berhormat rakan saya dari Kubang Kerian ada puji negeri Pahang. Sekarang saya hendak kritik sedikit negeri Pahang. Dia lepaskan pewartaan 9,090 hektar, yang wartakan semula '0' tetapi yang dilepaskan warta supaya mungkin boleh dipindahmiliklah, mungkin boleh dibangunkan semula untuk kepentingan pihak-pihak tertentu - 9,090 hektar. Diikuti oleh Johor - 1,077 hektar.

Saya tidak tahu sama ada timbalan menteri akan menasihatkan dia punya kerajaan negeri untuk mengikut arahan daripada pihak kementeriannya. Tetapi wartakan semula - '0'. Mungkin Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan boleh jawablah tetapi dia tidak ada, tidak berani datang. Selepas ini Perak - 492 hektar, Negeri Sembilan - 312 hektar dan Kedah - 23 hektar. Yang dicadangkan diwartakan tidak sampai 10%. Semua negeri lain - '0' - Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Perak, Perlis dan juga Wilayah Persekutuan. Semua tidak wartakan hutan kekal.

Di sini saya hendak bertanya, manakah komitmen kita untuk mempertahankan, memelihara hutan kekal kita semua yang merupakan khazanah kepada rakyat dan generasi yang akan datang. Kalau komitmen kepada ITTO, kalau arahan yang dikeluarkan oleh sebuah kementerian pusat tidak diikuti oleh kerajaan-kerajaan negeri, saya hendak tanya apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan semua ini diikuti? Apakah gunanya kita mengadakan satu perjumpaan, mesyuarat sekali setiap tahun dengan kerajaan-kerajaan

negeri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri kalau ia tidak membawa apa-apa makna dan tindakan langsung.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Bolehkah saya gulung sedikit?

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap bahawa pihak kementerian ada satu sasaran, ada satu target untuk memastikan kesemua negeri yang membuat janji mewartakan hutan kekal mereka supaya semua ini tidak akan dilepaskan untuk menjadi politik balak, politik wang dan membolehkan segelintir pemimpin Barisan Nasional menjadi kaya dan merugikan rakyat jelata.

Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tuan. Nampaknya tidak ada lagi yang hendak mengambil bahagian. Selepas ini Kementerian menjawab.

**3.51 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Marinking [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahas tentang Maksud B. 18, Kementerian Perusahaan Utama dan saya akan menyentuh tentang tajuk Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia dan juga Penilaian Sumber Air Tanah, Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai penyelidikan-penyelidikan dan pembangunan perhutanan Malaysia khususnya di Sabah. Mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi, kita tahu bahawa pembalakan di Semenanjung begitu teruk sekali. Tetapi saya ingin membawa perhatian kepada Dewan yang mulia ini semasa Ahli Yang Berhormat dari Keningau menjadi Ketua Menteri dahulu sebelum kuasanya dirampas.

Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sendiri pernah berkata bahawa di Sabah, kayu balak semua sudah ditebang sehingga sudah menjadi botak. Tetapi selepas itu, negeri Sabah pula dianugerahkan penghormatan sebagai negeri yang sungguh mantap di dalam pengurusan kayu balaknya dan kita faham itu memang wajar diberi kepada Sabah waktu itu.

Yang saya kawatir pada waktu ini ialah Kerajaan Barisan Nasional di Sabah akan mengikuti trend di Semenanjung ini yang akan mempergiatkan kegiatan pembalakan. Saya harap ini tidak akan berlaku oleh kerana kita akan menghadapi masalah pertukaran iklim kalau terlalu banyak penebangan kayu nanti dan Kerajaan Persekutuan haruslah mengambil langkah untuk mengawasi kegiatan pembalakan di Sabah kelak.

Namun demikian, satu perkara yang perlu diingat ialah kekurangan pendapatan negeri Sabah hasil daripada penurunan keuntungan hasil balak ini. Maka saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Persekutuan supaya menambah peruntukan kepada negeri Sabah melalui direct grant, dengan izin, supaya pembangunan sosial dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah, bukan lagi bergantung kepada hasil pendapatan daripada penebangan kayu balak, tetapi juga hasil-hasil yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan dari hasil-hasil negara, khususnya dari Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah mengenai penilaian sumber air tanah di Sabah. Kelmarin, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah mengatakan bahawa mungkin bekalan air di Sabah akan diswastakan di dalam tempoh tiga bulan akan datang ini. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Perusahaan Utama, berdasarkan penilaian sumber air tanah di Sabah, adakah sumber air mencukupi ataupun sesuai dan sudahkah dikenal pasti punca-punca ataupun sumber-sumber air yang perlu diswastakan itu?

Kita tidak mahu menjadi seperti satu rancangan di Kudat oleh Antah Biwaters di mana loji sudah dibuat, tetapi tidak ada air masuk oleh kerana sumbernya tidak diselidiki terlebih dahulu. Jadi, perbelanjaan sudah dibuang begitu sahaja, tetapi tidak menepati target perbelanjaan.

Jadi saya harap Kementerian Perusahaan Utama akan meneruskan penyelidikan sumber air di Sabah sebelum penswastan dijalankan agar perancangan dapat dibuat dengan sebaik-baiknya oleh kerana walaupun penswastan itu dijalankan, tetapi sedikit sebanyak kerajaan juga akan terlibat dan kalau perbelanjaan itu tidak menepati sasaran, sudah tentu kewangan negara akan terjejas juga.

Memang wajar supaya sumber air di Sabah dibuat penyelidikan, bukan sahaja untuk keperluan tempatan, tetapi juga kalau boleh mengenai dengan commercial valuenya, dengan izin, supaya mudah-mudahan, dengan berkurangnya sumber pendapatan kita daripada kayu balak, maka air daripada negeri Sabah yang begitu jernih dahulu akan menjadi sumber pendapatan pula kepada negara untuk dieksport. Saya sudah bangkitkan perkara ini di dalam satu persoalan dahulu, tetapi jawapannya memang mengatakan bahawa hal air ini adalah hal Kerajaan Negeri. Kita akui itu, tetapi dari segi penyelidikan, bukanlah salah jika Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri membuat penyelidikan supaya perancangan dapat dilakukan.

Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan mengenai sumber air ini ialah supaya punca sumber-sumber air itu dan hutan-hutan yang menjadi sumber air itu janganlah ditebang sesuka hati oleh kerana mungkin kita tidak akan hidup atau wujud di dunia ini kalau sudah tidak ada air lagi oleh kerana satu-satunya perkara yang sukar untuk dihasilkan melalui scientific process, dengan izin, ialah pengeluaran air bersih.

Jadi, saya harap supaya pihak Kementerian Perusahaan Utama akan berunding dengan Kementerian Kerja Raya dan juga Kerajaan Negeri Sabah supaya jangan tergopoh-gapah untuk melaksanakan penswastaaan bekalan air di Sabah tanpa penyelidikan. Sebaik-baiknya, punca-punca yang boleh membantu menepati sasaran haruslah diselidiki dahulu dan kalau pun diswastakan nanti, janganlah diberi kepada satu organisasi sahaja. Jadi, sumber-sumber air itu perlu diselidiki dahulu supaya dapat dikenal pasti bagi maksud semua kawasan di negeri Sabah agar kita tidak lagi akan menghadapi masalah bekalan air kelak.

Jadi, itu sahaja yang saya ingin sampaikan. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Ada lagi yang hendak mengambil bahagian? Machang.

**3.59 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak akan mengambil masa yang lama, cuma untuk bercakap mengenai beberapa perkara, pertamanya berhubung dengan Penguatkuasaan Undang-undang dan Latihan, Lembaga Tembakau Negara, Industri Perabot dan Pembangunan Hutan. Saya akan bercakap secara sekali gus, Tuan Pengerusi.

Baru-baru ini kita mendengar kenyataan dari Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama bahawa beberapa tahun yang lepas terdapat pencerobohan hutan-hutan di negara kita yang sudah menjadi semakin serius kerana ianya sekali gus akan mengurangkan hasil kepada kerajaan-kerajaan negeri dan akan menjejaskan alam sekitar.

Hasil daripada itu, beberapa kenyataan daripada Menteri yang membayangkan tindakan tegas akan diambil terhadap penceroboh-penceroboh hutan berkenaan dan bantuan daripada pihak polis dan tentera telah dipohon supaya kegiatan-kegiatan pencerobohan secara haram ini dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, bagi mengatasi masalah ini pada pandangan saya, jabatan-jabatan perhutanan negeri mestilah diperkemaskan. Apa yang kita dapat lihat sekarang ialah tenaga-tenaga ataupun Pegawai-pegawai Penguat Kuasa Perhutanan, pegawai-pegawai perhutanan di peringkat-peringkat negeri adalah terlalu kecil jumlahnya. Oleh yang demikian, rondaan-rondaan yang lebih kerap tidak dapat dilakukan dan hasilnya penguatkuasaan kepada pencerobohan hutan ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Bagi menjayakan usaha ini, adalah dicadangkan supaya kedudukan Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Perhutanan Daerah mestilah diperlengkapkan dengan pengetahuan dan dengan jumlah tenaga yang mencukupi bagi menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Soal peruntukan undang-undang ialah satu perkara dan penguatkuasaan ialah satu perkara yang lain. Tidak ada makna kita mempunyai undang-undang yang tegas, undang-undang yang keras sehingga memperuntukkan penjara mandatori kepada penceroboh-penceroboh ini atau denda ratusan ribu ringgit, tetapi kalau bahagian penguatkuasaan sendiri adalah lesu, tidak dapat menguatkuasakan akta tersebut.

Apa yang kita dapat lihat sekarang, pencerobohan kawasan hutan ini nampaknya tidak berhenti. Apa yang saya dapat maklum walaupun dengan peruntukan undang-undang yang tegas tetapi oleh kerana bahagian penguatkuasaannya tidak begitu berkesan kerana kekurangan kakitangan, pengalaman pendakwaan dan sebagainya, maka tindakan untuk menguatkuasakan undang-undang yang begitu tegas itu tidak dapat dijalankan dengan baik.

Kesannya ia telah menjejaskan hasil-hasil yang dapat dipungut oleh kerajaan-kerajaan negeri dan menjejaskan alam sekitar.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi membangkitkan, kita tidak akan rasa hairan kalau masalah-masalah penebangan pokok secara tidak bersistematik ini berlaku kerana penguatkuasaan yang saya sebutkan tadi adalah terlalu pada peringkat ini tidak begitu berkesan yang dilakukan oleh Jabatan Perhutanan Negeri.

Saya faham bahawa Jabatan Perhutanan Negeri adalah di bawah pentadbiran kerajaan-kerajaan negeri, tetapi di peringkat Pusat kita ada Majlis Perhutanan Negara. Satu usaha yang lebih tegas dan kemas boleh dibuat di peringkat Majlis Perhutanan Negara bagi menyelaraskan penguatkuasaan undang-undang di semua peringkat termasuk di peringkat negeri dan di peringkat daerah bagi Jabatan-jabatan Perhutanan Daerah.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah bersabit dengan Lembaga Tembakau Negara. Beberapa tahun lepas ada pengumuman yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, dasar yang sedia ada iaitu memberikan lesen untuk perusahaan tembakau kepada industri besar diperkenalkan suatu sistem baru di mana petani-petani sendiri diberi lesen untuk menjalankan kilang-kilang dan menjalankan proses mengeluarkan tembakau yang sudah diproses dan hasilnya beberapa petani sudah diberikan peruntukan lesen ini untuk dijalankan. Saya ingin mendapat tahu daripada kementerian, sejauh mana skim yang dibuat oleh kementerian ini telah berjaya meninggikan taraf hidup petani-petani kerana mereka secara langsung terlibat. Sebab kita tahu petani-petani yang diberi lesen untuk menjalankan industri tembakau ini sendiri, oleh kerana kekurangan modal, kekurangan latihan dan bimbingan daripada pihak Lembaga Tembakau Negara, maka sebahagian besar tidak mencapai kejayaan.

Jadi, hasrat kementerian untuk memindahkan lesen ini kepada syarikat-syarikat besar untuk membantu petani secara langsung bagi membantu meninggikan taraf hidup mereka tidak berkesan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah berapa lesen-lesen ini diberikan kepada petani secara langsung dan sejauh mana kejayaan yang telah dicapai oleh mereka ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, ialah berhubung dengan industri perabot. Industri perabot di negara ini boleh mencapai suatu kejayaan yang baik jika mendapat bimbingan. Tetapi sama ada pihak kementerian sedar atau tidak, industri perabot di negara ini mendapat saingan yang begitu sengit daripada industri perabot yang dibuat di Indonesia negara jiran kita. Oleh yang demikian, kita mesti bersedia untuk menghadapi industri perabot dan saingan daripada negara jiran ini. Kerana kita lihat, kalaulah sumber-sumber kayu dalam negara ini dapat kita eksploitasi sebaik mungkin, saya percaya kualiti perabot-perabot yang dihasilkan oleh industri tempatan boleh mencapai tahap eksport atau tahap kualiti yang setanding dengan perabot-perabot yang dikeluarkan di negara lain. Tetapi kita masih lihat sekarang ini, ada lagi perabot-perabot yang boleh dihasilkan di negara ini tetapi diimport daripada luar negeri, negara jiran misalnya, daripada Itali dan sebagainya. Walhal, kalau kita gerakkan industri perabot dalam negara kita, saya rasa perabot yang dihasilkan oleh negara ini dapat menandingi kualiti yang dihasilkan oleh negara-negara yang saya sebutkan tadi. Oleh yang demikian, suatu perancangan yang lebih kemas dan teratur mesti dibuat bagi menggalakkan lagi industri perabot ini dan seterusnya mengeluarkan hasil keluaran yang lebih baik dan setanding supaya kita dapat sekurang-kurangnya membekalkan perabot ini kepada pasaran tempatan tanpa bergantung kepada perabot-perabot import dari luar negara.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, ialah pembangunan hutan. Kita tahu bahawa penebangan hutan yang tidak berancang akan menyebabkan ancaman kepada alam sekitar yang serius dan kita sudah tahu bahawa masyarakat antarabangsa sejak akhir-akhir ini dan kempen-kempen negatif kepada industri kayu tropika adalah atas alasan bahawa penebangan yang tidak sistematik ini mengancam alam sekitar. Itu hujah yang dibawakan oleh kumpulan-kumpulan antarabangsa ini dan sebenarnya dakwaan mereka itu sedikit-sebanyak ada alasan dan ada kebenarannya jika kita menebang hutan secara tidak bersistematik. Apa yang dilakukan sekarang ini Tuan Pengerusi ialah penebangan hutan tidak selaras dengan gerakan silvikultur, dengan izin Tuan Pengerusi, untuk memulihkan kembali hutan tersebut. Mestilah ada suatu perancangan yang kemas. Misalannya dalam satu tahun kalau kita menebang 10,000 hektar hutan, mestilah sekurang-kurangnya ada perancangan untuk memulihkan hutan tersebut, menanam semula hutan pada peringkat kalau tidak sampai 10,000 hektar pun, mesti ada sekurang-kurangnya 5,000 hektar tiap-tiap tahun, barulah proses penebangan hutan dalam negara kita ini dapat diseimbang dan tidak mengancam alam sekitar seperti yang didakwa oleh kumpulan-kumpulan antarabangsa.

Berhubung dengan perkara yang sama Tuan Pengerusi, ialah mengenai pengharaman eksport kayu balak kita ke luar negara. Nampaknya kerajaan-kerajaan negeri dalam negara kita ini mempunyai pandangan yang berbeza tentang pengeksportan kayu daripada dalam negeri ke luar negara. Ada sesetengah negeri yang mengharamkan terus pengeksportan kayu ke luar negara. Manakala ada negeri-negeri yang membenarkan. Ini tidak selaras. Adalah dicadangkan Tuan Pengerusi, bagi menggalakkan industri hiliran dalam negara kita, industri hiliran ini akan mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak kepada golongan-golongan yang memerlukan pekerjaan.

Adalah dicadangkan Tuan Pengerusi, bahawa suatu penyelarasan di peringkat Majlis Perhutanan mesti dibuat supaya keluaran kayu dalam negara kita ini tidak boleh dieksport. Dengan cara demikian Tuan Pengerusi, ianya dapat membantu untuk menghidupkan industri hiliran yang nampaknya sekarang berkembang agak pesat. Tanpa dasar sedemikian, ianya akan merupakan suatu ancaman kepada industri hiliran dalam negara kita, kerana perusahaan-perusahaan ataupun pengeksport-pengeksport kayu ini akan mencari keuntungan lebih dengan mengeksport.

Suatu contoh yang jelas yang berlaku di negeri Kelantan, bagaimana minatnya pengusaha-pengusaha balak di Kelantan mengeksport kayu ke Selatan Thailand misalnya. Ini adalah merupakan suatu ancaman kepada industri tempatan kerana mereka lebih berhasrat, lebih berminat untuk mencari keuntungan dalam jangka masa pendek daripada membantu kerajaan untuk menubuhkan industri-industri hiliran yang akan kelak dapat membantu untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan menambahkan hasil kepada negeri dan negara kita.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Batang Lupar.

**4.08 ptg.**

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun tidak ingin bercakap panjang lebar berhubung dengan Kementerian Perusahaan Utama. Saya ingin menyentuhkan di bawah Butiran 020000 - Perhutanan.

Tuan Pengerusi, tahun 1995 adalah tahun target oleh ITTO supaya pengeluaran hutan terutamanya di negeri Sarawak dikurangkan daripada 18 juta cubic meter kepada 9.2 juta cubic meter. Jadi, dalam syarat yang diberi oleh pihak ITTO dan keadaan ataupun penjualan

hutan yang ada pada masa sekarang ini sama ada kita boleh menepati kehendak-kehendak ITTO untuk kita menurunkan pengeluaran hasil hutan ataupun kayu balak kita kepada tahap yang dikehendaki oleh pihak ITTO dan kalau tidak boleh ditepati syarat-syarat yang telah ditetapkan itu, apakah tindakan Kerajaan Pusat ataupun kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini. Kerana sebelum kita boleh menepati kehendak-kehendak pertumbuhan-pertumbuhan antarabangsa, walaupun ITTO Tuan Pengerusi, kita mesti dahulu melihat apa keadaan berlaku di dalam negeri kita kerana Sarawak masih berkehendakkan hasil-hasil yang dikeluarkan oleh pengeluaran balak di negeri tersebut.

Dahulunya kita perlukan sekurang-kurangnya setengah daripada hasil revenue negeri tersebut adalah hasil balak dan kalau diturunkan daripada 18,000 juta cubic metre kepada 9.2 juta cubic metre dengan sendirinya hasil 50% itu diturunkan kepada 25%. Jadi, pada masa sekarang industri pembuatan dan industri-industri lain belum lagi boleh membantu negeri Sarawak membangun daripada hasil keluaran-keluaran lain selain daripada keluaran kayu. Dalam keadaan yang demikian, apakah tindakan dan pelan Kerajaan Pusat untuk mengatasi masalah yang sedemikian dan memberi bantuan kepada pihak Kerajaan Negeri agar keadaan ekonomi dan sumber kewangan yang biasa didapati oleh Kerajaan Negeri Sarawak tidak begitu merosot sangat.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan hutan juga. Ingin saya menyentuh apa yang telah disentuh oleh rakan saya dari Machang tadi berhubung dengan industri balak. Memang diterima hakikatnya industri hiliran balak di Sarawak masih belum menyampai tahap bukan lagi di peringkat dunia, bahkan di peringkat nasional pun kita belum boleh mengatakan, industri hiliran pembalakan di Sarawak belum mencapai tahapnya.

Pada satu ketika dahulu iaitu setahun yang lepas, pernah saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama berhubung dengan pembangunan industri perabot di negeri Sarawak. Ada ura-ura mengatakan kementerian sendiri akan membuatkan satu perancangan iaitu untuk membangunkan industri perabot di tiap-tiap negeri, di Pahang, di Terengganu dan selepas itu ke Sarawak. Tetapi beberapa bulan kebelakangan ini saya pernah bertanya dan menyelidik sendiri, tidak ada pun rancangan-rancangan kementerian untuk membangunkan industri perabot di Sarawak dibuat. Soalan saya bagaimanakah perancangan Kerajaan Pusat itu, adakah telah dibatalkan dan kalau betul telah dibatalkan, kenapa? Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Pengerusi, adalah sangat penting sekali jikalau balak tidak boleh dieksportkan ataupun kuota pengeksportan balak ke luar negara telah dihadkan kepada satu peratusan yang tertentu di negeri Sarawak, sudah menjadi semestinya kita mengadakan industri hiliran.

Pada masa sekarang industri hiliran di negeri Sarawak adalah secara *ad hoc* dan secara cottage industry di kampung-kampung dan kualiti yang tidak memuaskan dan belum lagi boleh dijual bukan sahaja di luar negara, tetapi di dalam negeri sendiri pun belum boleh memuaskan. Itu adalah oleh kerana dua tiga perkara yang berbangkit:

- (i) pengurusan dan kawal selia atas kualiti pengeluaran perabot-perabot yang tertentu;
- (ii) marketing strategy yang tidak diatur; dan
- (iii) kita tidak ada mendapat bimbingan yang seterusnya dari pihak-pihak yang tertentu.

Dalam keadaan yang demikian, Tuan Pengerusi, saya masih bertanya kepada pihak kementerian bilakah kementerian mencadangkan, kalau tidak pun mengadakan satu badan

ataupun satu pengurusan industri balak sendiri buat masa sekarang, tetapi pengurusan atas marketing perabot-perabot atau benda-benda yang telah dibuat oleh industri-industri kecil di luar bandar patut diuruskan dari segi marketingnya, sekurang-kurangnya benda yang dikeluarkan di kampung-kampung tidak habis di kampung sahaja, boleh dijual di bandar-bandar juga boleh mendapatkan hasil daripada industri yang mereka cuba ceburkan diri itu. Dalam keadaan yang demikian, Tuan Pengerusi, saya berharap pihak kementerian dapat melihat dengan secara khusus apakah tindakan dan pelan supaya bukan sahaja daripada industri balak, tetapi juga strategy marketingnya, bukan sahaja marketing di kampung-kampung, di bandar-bandar, tetapi juga untuk di luar negara.

Sebagaimana yang pernah saya sebutkan juga, dahulunya Taiwan mengeluarkan perabot yang begitu banyak sekali lebih mengatasi negara kita, tetapi kayunya datang daripada negara kita, tidak hairanlah kalau negara Indonesia mengeluarkan perabot yang banyak kerana mereka juga mempunyai kayu yang banyak. Tetapi menjadi satu kehairanan kepada kita, kalau negara lain, negara yang tidak mempunyai sumber kayu sendiri boleh mengeluarkan perabot begitu banyak. Jadi, untuk meningkatkan pengeluaran perabot ini tidaklah boleh ditumpukan kepada satu-satu tempat, satu-satu negeri dan satu-satu daerah sahaja, tetapi mestilah seluruh negeri terutamanya negeri yang banyak mengeluarkan sumber-sumber kayu.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada perkara lain iaitu mengenai Institut Pengurusan Hutan ASEAN. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah tugas dan tanggungjawab Institut Pengurusan Hutan ASEAN ini dan apakah tanggungjawab mereka daripada segi untuk mempromosi ataupun membuatkan satu pelan tindakan terutama

sekali untuk mengatasi propaganda-propaganda pihak asing yang mengatakan penebangan hutan ataupun pengurusan hutan di negara kita adalah tidak baik dan tidak teratur.

Saya menerima hakikat, Tuan Pengerusi, iaitu kita mempunyai undang-undang yang baik, tetapi di sebaliknya juga saya menerima hakikat yang penguatkuasaan undang-undang yang ada belum lagi memuaskan. Juga ada pernah disebut di satu-satu tempat yang mana diadakan satu cartel untuk mengatasi masalah penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai hutan. Jadi, pegawai-pegawai hutan yang mungkin tidak mempunyai senjata sendiri, mencari ketegasan begitu, mungkin merasa ragu-ragu dan mungkin takut juga untuk menguatkuasakan undang-undang, oleh kerana desakan ataupun kekerasan yang mungkin ditunjukkan oleh pihak-pihak atau syarikat-syarikat yang tertentu menggunakan arm twisting ataupun gangsters untuk mengambil kayu balak daripada hutan-hutan yang tertentu.

Dahulu, pernah juga kita dengar iaitu askar dan polis akan digunakan untuk menguatkuasakan undang-undang ini, tetapi bagaimanakah keberkesanan tindakan-tindakan yang telah kita pelankan, kita rancang untuk menguatkuasa undang-undang negara, agar dasar dan pengurusan dari segi undang-undang negara kita yang baik itu boleh mendatangkan kesan daripada segi penguatkuasaan, agar penebangan tidak dibuat sewenang-wenangnya dan pengeluaran tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Pengerusi, hutan adalah sumber yang boleh dimanage, dengan izin, dengan sebaiknya dan boleh mendatangkan hasil yang berterusan. Sustainable management, adalah sangat penting, kalau hasil hutan itu hendak kita perlihatkan. Jadi daripada sudut itu di manakah tanggungjawab dan tugas pihak Institut Pengurusan Hutan ASEAN ini dan di manakah tempatnya? Apakah kesan serta tindakan sampai ke peringkat ini oleh institut yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Santubong.

**4.18 ptg.**

**Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong]:** Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan daripada beberapa perkara:

Pertama, di bawah Butiran 110000 - iaitu Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB). Saya ingin tahu tentang promosi yang dijalankan oleh pihak kementerian untuk menampilkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan bagi industri getah.

Saya juga mohon kalau dapat disenaraikan negara-negara yang menjadi pasaran baru bagi mempertingkatkan lagi industri getah, khususnya getah asli di negara kita.

Apakah penemuan-penemuan baru yang telah diperolehi bagi membangun dan mengembangkan lagi industri hiliran dan perkhidmatan getah serta mengukuhkan pasaran bagi getah asli dari Malaysia.

Saya ingin menyentuh Butiran-butiran 040300 - Eksplorasi Mineral, 040400 - Pemetaan Geologi dan sekali gus saya hendak menyentuh mengenai Pembangunan iaitu dibawah Butiran-butiran 06300 - Penyiasatan Menentukan Mineral, 06700 - Eksplorasi Mineral Rantau, 07100 - Mineral Perindustrian, 08202 - Eksplorasi Emas Plaser, Sarawak dan 08402 - Mineral Perindustrian, Sarawak.

Saya ingin mendapat tahu daripada pihak kementerian apakah kajian yang telah dijalankan dari segi penemuan deposit-deposit mineral di negara kita? Adakah maklumat (inventory) sumber mineral diwujudkan? Bagaimana maklumat ini dapat digunakan khasnya oleh pengusaha-pengusaha di negara kita dan juga pelabur di luar negara? Dari segi penemuan pula, mineral-mineral yang telah dieksploitasi atau yang boleh digali, bagaimakah

caranya kita dapat menggunakan hasil penemuan-penemuan dari segi mineral ini bagi menambahkan lagi satu cara menambahkan pendapatan di negara kita.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanyakan ini sebab banyak sungutan dan rungutan telah didengar bahawa amat sukar untuk mendapatkan maklumat mengenai penemuan-penemuan galian atau mineral di negara kita sehingga mungkin ada yang ingin hendak melabur di negara kita dengan menggunakan sumber mineral kita itu tetapi oleh kerana menghadapi masalah atau sukar mendapatkan maklumat jadi tujuan itu telah tersekat atau mereka mungkin telah beredar ke negara lain.

Jadi, saya berharap pihak kementerian dapat menerangkan dan dengan sekali gus ini adalah satu cara di mana kita dapat mempelbagaikan (diversify) cara untuk menambahkan lagi pertumbuhan ekonomi atau pendapatan dari segi menggunakan sumber asli mineral kita.

Saya juga ingin mendapat tahu daripada kementerian, daripada beberapa penggalian yang telah dijalankan adakah satu pertalian dapat dihasilkan atau ditemui, iaitu mengenai sesebuah negeri dengan jenis-jenis mineral atau galian. Jadi, dengan cara itu pihak kementerian dapat mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menggunakan sumber-sumber asli yang ada di negeri masing-masing untuk dibangunkan lagi bagi menambahkan pendapatan negeri dan juga negara.

Akhir sekali saya ingin menyentuh Butiran 07700 iaitu mengenai Kajian Sumber Air Tanah Sarawak. Saya ingin mendapat tahu tentang perkembangan kajian ini. Setelah kajian ini dijalankan, saya ingin mendapat tahu daripada pihak kementerian, apakah tindakan selanjutnya yang boleh digunakan daripada hasil penemuan yang telah didapati mengenai kajian sumber air di tanah Sarawak sebab saya mengetahui bahawa kajian ini telah dijalankan agak lama juga tetapi sehingga sekarang kita belum mendengar lagi dari segi hasil daripada

kajian yang telah dijalankan dan saya sangat berharap agar pihak kementerian dapat menjelaskan di dalam jawapannya nanti agar maklumat ini mudah bagi kita mengetahui dan seterusnya kita memahami akan beberapa tindakan yang akan dijalankan oleh pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Seremban.

**4.25 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana telah memberikan saya peluang berbahas. Saya ingin sentuh sedikit tentang Maksud B.18, Butiran 00500 - Industri Perabot.

Saya rasa industri ini boleh dimajukan lagi, walaupun tadi Yang Berhormat dari pembangkang ada mengatakan kerajaan tidak memberi bimbingan dan bantuan, tetapi saya rasa industri ini memang telah mendapat bimbingan daripada pihak kerajaan dan industri ini kalau diberikan lebih banyak perhatian, saya yakin dan percaya industri ini akan berkembang pada masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, saya rasa industri ini memang mempunyai banyak potensi, sebab kalau mengikut apa yang kita lihat iaitu dari segi bahan-bahan kayu yang terdapat di negara kita ini memang ini merupakan satu punca. Bahan-bahan kayu yang kita boleh dapat dengan begitu senang demi negara kita ini dan kalau kita gunakan bahan-bahan ini untuk membuat perabot saya rasa ini memang ada daya persaingan antarabangsa.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara yang ingin kita lihat ialah apabila menjelang tahun 2000 Akta atau Perjanjian Free Trade Zone ASEAN akan dikuatkuasakan dan pada waktu itu mungkin cukai-cukai untuk perabot ini akan dihapuskan. Oleh kerana itu saya rasa memang

telah memberi banyak peluang, banyak pasaran di antarabangsa khususnya di negara-negara ASEAN untuk kita mengeksport perabot-perabot ke negara-negara jiran. Oleh kerana itu saya rasa perlulah kita menggiatkan lagi usaha memberi lebih banyak perhatian dan bantuan kepada industri ini dan dengan ini kita berharap industri ini akan terus berkembang.

Tuan Pengerusi, saya rasa industri ini juga mempunyai beberapa masalah. Pertama, ialah kekurangan tapak untuk kilang perabot. Oleh kerana Jabatan Alam Sekitar memberikan banyak syarat-syarat, memang bukan senang untuk mewujudkan satu kilang untuk membuat perabot. Oleh kerana itu saya berharap kementerian perlu membuat kajian sama ada boleh dilaksanakan di tiap-tiap negeri satu kawasan perkampungan perabot akan diwujudkan untuk memberikan banyak kemudahan kepada pengusaha kilang perabot ini.

Satu lagi masalah yang perlu kita beri perhatian ialah kekurangan pekerja mahir. Saya rasa ini satu perkara yang penting. Kalau kita tidak mempunyai pekerja yang mahir maka kualiti yang kita hasilkan itu akan berkurangan. Oleh kerana itu saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada kementerian telah mula atau sedang memberikan latihan kepada pekerja-pekerja di kilang-kilang perabot supaya mereka mendapat latihan yang baik untuk bekerja di dalam industri ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Maksud B.18, Butiran 110000 iaitu Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia. Saya rasa sebahagian pengusaha khususnya pekebun-pekebun kecil getah memang tidak tentu arah apabila sampai masanya mereka menanam semula kerana ada ura-ura menyebutkan adalah lebih lumayan atau lebih mendapat keuntungan kalau kita menanam sejenis klon pokok getah untuk mendapatkan kayu sahaja dan bukannya untuk mendapatkan susu getah. Jadi, orang-orang

kampung ada bertanya saya sama ada kita hendak nasihatkan mereka supaya menanam untuk mendapatkan susu getah dan bukannya mendapatkan kayu dari pokok getah itu.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini ada hubung kait dengan satu masalah lagi iaitu kekurangan pekerja untuk menoreh getah. Pada masa sekarang ini memang susah untuk mendapat tenaga manusia untuk bekerja dalam estet-estet dan juga kebun-kebun kecil. Memang kita sentiasa lihat di kampung-kampung, di kebun-kebun kecil, memang sangat susah untuk dapat orang menoreh getah. Kebanyakan pekebun-pekebun kecil pun telah membiarkan kebun-kebun mereka sebab tidak dapat tenaga untuk menoreh getah. Ini telah pun menjadi satu masalah, dan saya berharap kementerian, walaupun saya dengar kementerian sedang mengkaji ada satu cara di mana tak perlu banyak tenaga manusia untuk mendapatkan susu getah. Tetapi nampaknya, method atau kaedah ini masih belum diperluaskan dan belum diperkenalkan lagi. Oleh kerana itu, saya berharap kita mesti memberitahu, mesti membuat kajian apa caranya kita boleh dapat menyelesaikan masalah. Dan memberitahu dasar kerajaan sama ada kita menggalakkan pekebun-pekebun kecil untuk menanam satu jenis pokok perun yang kita boleh hasilkan kayu bagi menghasilkan susu getah. Oleh kerana itu, saya rasa perkara-perkara ini perlulah kita terangkan kepada pekebun-pekebun kecil supaya mereka faham dan mereka akan membuat satu keputusan yang sesuai dengan dasar-dasar kerajaan. Sekian, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Gelang Patah, selepas itu Yang Berhormat menjawab.

**4.33 ptg.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Pembangunan P.18. Tuan

Pengerusi, saya ingin ambil peluang keemasan ini untuk menyeru kepada Kementerian Perusahaan Utama ini supaya dapat bekerjasama rapat dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk bersama-sama menjaga kebersihan air sungai dalam negara kita ini. Saya membuat seruan ini adalah kerana pencemaran sungai-sungai, sebab-sebab utama adalah datang daripada effluen-effluen, daripada kilang getah dan kilang kelapa sawit. Oleh yang demikian, daripada 272 kilang kelapa sawit, saya ingin tahu daripada kementerian, berapakah kilang kelapa sawit yang mempunyai loji pembersihan air effluen, dan apa jenis yang mereka gunakan untuk loji itu, sama ada jenis biologikah atau jenis yang baru, iaitu jenis 'evaporation technology', dengan izin.

Saya ingin ambil peluang ini untuk menggambarkan bahawa effluen daripada kilang kelapa sawit mengandungi 'B.O.D.' sebanyak 25,000 milligram per litre, dengan izin. Mengikut kehendak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar adalah dibenarkan B.O.D. 100 milligram per litre - beza besar. Jika teknologi baru yang digunakan, iaitu 'evaporation technology' akan menghasilkan B.O.D. sebanyak 25 milligram per litre, adalah paling baik, satu teknologi yang cukup baik, dan saya harap jika boleh, melalui kerjasama daripada Kementerian Perusahaan Utama, memaksa atau menasihatkan supaya pekilang-pekilang kelapa sawit ini benar-benar mempunyai kesedaran tanggungjawab sosial untuk menukarkan atau menggunakan teknologi membersihkan air effluen kilang mereka dengan menggunakan 'evaporation technology' yang mana tiada 'liquid affluent' akan dikeluarkan dan cuma menghasilkan B.O.D 25 milligram per litre sahaja. Selepas evaporation, memang ada distillate. Distillate dalam B.O.D. cuma 25 milligram per litre sahaja. Oleh yang demikian, saya harap perkara ini dapat perhatian berat daripada kementerian ini.

Selain daripada itu, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian tentang hal perhutanan. Daripada tinjauan saya, setakat ini cuma lapan negeri, iaitu negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Selangor dan Terengganu yang sedang ambil langkah dalam proses menubuhkan sejumlah 187,386 hektar lagi hutan simpanan kekal baru sebagai tambahan kepada hutan simpanan kekal sedia ada yang telah pun diwartakan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 147,563 hektar telah pun dilaksanakan di peringkat warta permulaan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut.

Daripada maklumat itu, saya ingin tahu dari kementerian, mengapa negeri yang lain, terutama negeri Kelantan tidak ambil tindakan kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memenuhi hasrat kerajaan supaya negara kita dapat mencapai matlamat pengurusan hutan secara berkekalan selaras dengan objektif tahun 2000, International Tropical Timber Organisation (ITTO), dengan izin. Jika ada negeri-negeri dalam negara kita ini ambil sikap negatif tidak ingin bekerjasama untuk satu matlamat yang murni ini, ia akan menjejaskan usaha baik daripada Kerajaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyeru kepada pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri supaya kita mesti ada pengurusan yang cukup baik untuk menguruskan sebanyak 2.79 juta hektar hutan pengeluaran yang sedia ada serta 1.70 juta hektar hutan perlindungan yang sedia ada di negara kita ini supaya kita dapat menjaga hutan dalam negara kita dengan sebaik-baiknya.

Dengan kata-kata yang demikian, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi, dan saya harap pihak kementerian akan ambil tindakan apa yang saya minta tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kementerian menjawab. Saya sudah beri keputusan tadi.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tambun, Kepong, Kubang Kerian, Kota Melaka, Tuaran, Machang, Batang Lupar, Santubong, Sri Gading dan Gelang Patah yang telah membahaskan Anggaran Perbelanjaan dan Pembangunan 1996 bagi Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan mengenai pembalakan di kawasan tadahan air yang dikaitkan dengan banjir, penanaman semula hutan yang dimiliki swasta dan industri perabot.

Tuan Pengerusi, bagi negara kita yang beriklim tropika dan tanah subur, kawasan-kawasan yang sudah dibalok secara tebangan memilih tidak perlu ditanam semula tetapi hanya dijalankan rawatan silvikultur. Bagi kawasan yang kurang subur rawatan silvikultur ini termasuk tanaman mengaya atau richment planting, dengan izin, sekiranya perlu. Sungguh pun begitu, bagi hutan tanah kerajaan atau swasta yang dibuka bagi maksud pembangunan ekonomi, kita tidak menjalankan aktiviti penanaman semula melainkan kawasan yang dijadikan ladang hutan.

Yang Berhormat dari Kepong membangkitkan mengenai pengekalan hutan simpanan dan pembalakan haram di Rompin, Sabah dan Sarawak. Bagi pengetahuan Yang Berhormat, kawasan hutan simpan kekal di negara ini diurus dengan baik secara pengurusan berkekalan. Dalam sistem pengurusan ini kawasan-kawasan hutan dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu hutan pengeluaran, hutan perlindungan Taman Negara dan perlindungan hidupan liar. Bagi makluman Yang Berhormat jumlah kawasan tanah Malaysia yang diliputi hutan

mencapai 58% manakala luas kawasan hutan simpan kekal meliputi 73% daripada kawasan berhutan itu. Pihak kerajaan juga banyak mengambil langkah tegas bagi mengurus dan mengekalkan kawasan hutan terutamanya hutan simpan kekal. Antara langkah-langkah yang dilaksanakan, antara lain adalah seperti berikut:

- (i) dalam usaha untuk mencapai matlamat pengurusan hutan secara berkekalan, seluas 14.06 hektar hutan telah dikenal pasti sebagai hutan simpan kekal selaras dengan Dasar Perhutanan Negara dengan mengambil kira kegunaan tanah bagi memenuhi keperluan pembangunan sosial ekonomi;
- (ii) menggerakkan pewartaan semua kawasan hutan simpan kekal yang dicadangkan;
- (iii) mana-mana kawasan hutan simpan kekal yang telah dimansuhkan telah diganti dengan kawasan lain yang sama luasannya;
- (iv) Catuan tebanan tahunan ditetapkan dengan tujuan untuk memastikan industri perhutanan di negara ini terus wujud serta berkembang dan seterusnya menyumbangkan pendapatan hasil kepada negara dan negeri-negeri secara berkekalan.
- (v) mengamalkan kaedah yang boleh mengekalkan hutan seperti pembalakan secara memilih mengikut pusingan tebanan dan pemulihan hutan yang dibalak.
- (vi) meningkatkan kawalan ke atas hutan simpan kekal menerusi operasi dan rondaan, menguatkuasakan undang-undang peraturan dan kaedah

perhutanan secara lebih tegas dengan mendapat kerjasama Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera.

- (vii) melaksanakan sistem penalti dan hukuman ke atas pembalakan haram dan kesalahan-kesalahan hutan menerusi Akta 1984 Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 1983.

Berhubung dengan dakwaan Yang Berhormat mengenai pembalakan haram di Rompin adalah tidak benar, namun tidak dinafikan berlaku kegiatan kecil-kecilan pembalakan haram. Walau bagaimanapun, kegiatan tersebut adalah terkawal. Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Sabah, Sarawak sentiasa mengambil tindakan tegas yang wajar membendung kegiatan tersebut dengan mendakwa mereka-mereka yang terlibat ke mahkamah.

Tuan Pengerusi, menyentuh industri perabot...

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada jawapan yang baik juga.

**Tuan Pengerusi:** Perkataan 'juga' itu buat apa. *[Ketawa]*

**Tuan Tan Seng Giaw:** Bukan seperti yang dikacau oleh setengah-setengah Ahli Parlimen semalam yang mengatakan ucapan saya tidak bermakna langsung.

Walaupun bagaimanapun, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan bilangan tangkapan sejak Akta Perhutanan Pindaan diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini dan berapa kalikah pihak Angkatan Tentera dipanggil untuk membantu penguatkuasaan?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini telah dijawab beberapa kali di Dewan yang mulia ini, mungkin Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan

semasa itu tetapi untuk makluman Yang Berhormat, selepas Pindaan Akta Perhutanan Negara pada tahun 1993, jumlah kes-kes pembalakan haram telah pun berkurangan dari 512 kes pada tahun 1991 kepada 41 kes pada tahun 1994 dan dari jumlah 41 kes ini, sebanyak 12 kes adalah daripada Terengganu, 9 daripada Johor, 7 daripada Pahang, 7 daripada Kelantan, 3 daripada Kedah, 1 dari Selangor, 1 daripada Perak dan 1 daripada Negeri Sembilan. Dan setakat ini seramai 4 tertuduh yang disabitkan dengan satu kes pembalakan haram...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Nanti sekejap saya habis.

**Tuan Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi.....

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Nanti, nanti dulu. Saya habiskan dulu.

**Tuan Pengerusi:** Beri dia habis dahulu.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** ....pembalakan haram di negeri Perak telah dikenakan hukuman penjara selama setahun.

**Tuan Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya hairan juga mengapa tidak ada satu kes pun datang daripada Sabah ataupun Sarawak. Adakah ini bermakna Sabah dan Sarawak, semua itu insan yang baik belaka, insan kamil belaka.*[Disampuk]*.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Saya rasa saya tidak perlu menjawab soalan itu. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya, Batang Lupar.

**Tuan Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya dengan Timbalan Menteri, sama ada kita bercadang hendak menghantar Ahli Parlimen Kepong pergi ke Sarawak, tanya berapa banyakkah pendapatan hasil daripada kompaun yang dibuat oleh Kerajaan Negeri berlandaskan orang yang buat kesalahan-

kesalahan pencurian balak ini. Kerana yang tidak pergi ke mahkamah dikompaunkan, tidak payak pergi ke mahkamah. Yang Berhormat tahulah mekanisme dia dulu.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Saya rasa itu cadangan yang bai [*Ketawa*] kerana Yang Berhormat juga terlibat semasa meluluskan Akta Pindaan Akta Tanah dan tahu kalau kes-kes yang tidak dibawa ke mahkamah, kes-kes itu akan dikompaunkan.

Tuan Pengerusi, menyentuh industri perabot, kementerian ini masih belum berpuas hati dengan pencapaian bumiputera dalam sektor pembalakan dan industri kayu kayan negara pada masa ini. Oleh itu, kerajaan menerusi kementerian ini telah melaksanakan beberapa projek dan program, di antaranya seperti berikut:-

- (i) menyediakan tapak perindustrian kayu menerusi pembangunan lima buah projek perkampungan perabot di bawah Rancangan Malaysia Keenam;
- (ii) mengadakan program latihan dan khidmat teknikal kepada pengusaha bumiputera menerusi agensi perhutanan di bawah kementerian ini;
- (iii) mempromosikan pengeluaran kayu kayan bumiputera menerusi misi perdagangan dan pameran yang diadakan di seberang laut dan tempatan;

Kelewatan pembinaan kilang adalah berpunca dari perubahan dalam pengurusan syarikat pelayang atau anchor company, dengan izin, dan ketidak mampuan syarikat pelayang untuk mengurus dan menjamin pasaran kepada pengusaha perkampungan Perak.

Sehubungan dengan itu, kementerian ini dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak sedang mengenal pasti syarikat pelayang yang baru untuk membantu pengusaha berkenaan membangunkan kilang, produk dan pasaran dari projek perkampungan perabot. Dalam pada

itu, pemberian hak milik tanah kepada pengusaha sedang diuruskan bagi membolehkan pembinaan kilang oleh pengusaha yang tidak memerlukan perkhidmatan syarikat payung.

Tuan Pengerusi, untuk menjawab soalan atau pertanyaan daripada Yang Berhormat dari Kubang Kerian, mengenai negeri-negeri yang tidak mengikut kuota. Sukacita saya memaklumkan di sini, bahawa mengikut catuan tebaran tahunan yang telah ditentukan bagi tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak, bagi negeri-negeri yang tidak mengikut kuota-kuotanya, satu ialah daripada Negeri Kedah yang melebihi kuota sebanyak 467 hektar bagi tempoh 1991 hingga 1995, juga negeri Kelantan yang telah kelebihan sebanyak 30,719 hektar, negeri Pahang sebanyak 21,018 hektar, juga negeri Selangor sebanyak 3,835 hektar, Terengganu sebanyak 656 hektar, bagi negeri Sabah 302,624 hektar dan Sarawak masih mengikut kuota mereka.

Tuan Pengerusi, setakat ini tidak ada sepertimana Kubang Kerian bertanya, tidak ada masalah dari segi kerjasama di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Tuan Pengerusi, pada masa ini ingin saya maklumkan bahawa saya telah menerangkan tentang perhutanan semula iaitu mengikut aktiviti rawatan silvikultur dan mengaya dan ini dijalankan dengan baik, selain daripada itu saya ingin pergi kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli dari Kota Melaka mengenai peng wartaan semula kawasan-kawasan yang telah ditentukan sebagai hutan simpanan tetap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak tiga negeri iaitu negeri Johor, Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perlis, Selangor dan Terengganu sedang dalam proses menubuhkan sejumlah 187,386 hektar lagi untuk hutan simpan kekal sebagai tambahan kepada hutan simpan kekal yang sedia ada.

Dari jumlah tersebut sebanyak 147,563 hektar telah pun dilaksanakan warta permulaan atau 'preliminary gazettment' oleh negeri-negeri berkenaan dan yang bakinya ialah di dalam proses peng wartaan.

Tuan Pengerusi, kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang telah membangkitkan berkenaan dengan pembekalan sumber air tanah Sabah. Pembekalan sumber air tidak terletak di bawah Kementerian Perusahaan Utama, namun demikian, Jabatan Penyiasatan Kajibumi ada menjalankan kajian sumber air di bawah tanah, sebagai sumber alternatif di kawasan-kawasan tertentu berdasarkan potensi dan aspek-aspek ekonominya. Oleh itu, cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran akan diberi perhatian sewajarnya.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi:** Dia bangun, dia tidak puas hati.

**Tuan Yunof Edward Maringking:** Tuan Pengerusi, ada peruntukan, ada butiran, jadi kita bangkitkan oleh kerana hari ini di dalam surat khabar yang mana Kementerian Kerja Raya mengatakan diswastakan bekalan air di Sabah. Jadi, perkara yang saya bangkitkan ialah, oleh kerana sudah ada penyelidikan tentang air, jadi saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian Kerja Raya telah berhubung dengan kementerian Yang Berhormat mengenai hasil daripada penyelidikan ini, wang sudah dibelanjakan, takkan tidak ada hasil ataupun maklumat untuk diberi, jadi itulah yang saya tanyakan, Yang Berhormat.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Pengerusi, kami di peringkat kementerian memang sentiasa bekerjasama di antara satu sama lain tetapi oleh kerana soalan Ahli Yang Berhormat ini spesifik sedikit, saya akan memberi jawapan kemudian.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Machang telah menimbulkan beberapa perkara tentang pembalakan haram, saya telah pun menjawabnya, tetapi berkenaan dengan Lembaga Tembakau Negara, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Lembaga Tembakau Negara telah mengeluarkan sebanyak 381 lesen pengawit kepada petani-petani yang menjadi penanam/pengawit. Bilangan lesen yang akan diberi kepada petani yang

menjadi penanam/pengawit akan ditambah dari tahun ke setahun, ini adalah menjadi hasrat kementerian saya melalui Lembaga Tembakau Negara. Sara hidup petani-petani yang menjadi penanam/pengawit telah dapat diperbaiki, berbanding dengan jika mereka menjadi penanam sahaja, pendapatan mereka adalah tidak kurang daripada RM1,000 sebulan. Berkenaan dengan industri perabot juga, saya telah menjawabnya.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Santubong, program Ekspedisi Mineral di bawah Jabatan Penyiasatan Kajibumi memang bertujuan untuk mengenalpasti dan menilai sumber-sumber mineral negara. Inventori sumber mineral telah pun dimulakan dengan peningkatan program IT di jabatan dan kementerian sendiri. Inventori sumber mineral ini akan diperlengkapkan lagi dari semasa ke semasa. Penemuan-penemuan hasil dari kajian sumber mineral ada diterbitkan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan orang ramai boleh membelinya daripada jabatan yang berkenaan.

Tidak ada pertalian yang jelas mengenai jenis galian dengan sesebuah negeri, namun demikian negeri Sabah dan Sarawak telah dikenal pasti mempunyai sumber-sumber mineral yang penting seperti emas dan arang batu. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Kepong hendak pergi ke sana.

Perkara yang lain, Mineral Perindustrian. Semua hasil kajian sumber bawah tanah ini akan diserahkan kepada pihak berkuasa negeri untuk perhatian dan tindakan selanjutnya.

Tuan Pengerusi, saya rasa kebanyakannya saya telah menjawab dan satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah ....

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya ingat selepas Machang, saya tadi Yang Berhormat. Soalan daripada Batang Lumar berkenaan ITTO punya date line 1995, kita kena turunkan pengeluaran daripada 18 million cubic meter kepada 9.2 million cubic meter, sama ada kita boleh memenuhi syarat, kalau tidak apakah tindakan kita agar kita tidak dipenalise oleh pihak ITTO.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Pengerusi, di bawah ITTO, Malaysia berkomited untuk menguruskan hutan secara berkekalan menjelang tahun 2000. Oleh itu sekiranya Sarawak tidak dapat menepati kriteria yang disebutkan tadi, kemungkinan kami di bawah ITTO boleh melanjutkan tempoh di mana Malaysia akan menguruskan apa jua kriteria, petunjuk dan peraturan yang ditetapkan di bawah ITTO supaya Malaysia akan menguruskan hutan dan sumber hutan secara berkekalan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Kepong bangun pula, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah kriteria yang ditetapkan oleh ITTO, adakah ini termasuk di Sarawak dan Sabah, hanya membayar kompaun sudah cukup, kerana dia suka kompaun, “batang yang terlumar” dia memang mengkompaun orang sahaja, masalahnya, tidak ada yang lain. Dan adakah kriteria yang boleh disebutkan di sini dengan secara ringkas?

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Tuan Pengerusi, di bawah ITTO, di bawah kriteria, petunjuk dan peraturan yang ditetapkan oleh ITTO ada 88 langkah, jadi yang minimum yang perlu dipatuhi oleh sesebuah negara sebelum dikatakan kalau itu menguruskan hutan secara berkekalan ialah sebanyak 20 peraturan dan yang maksimum yang perlu dipatuhi sebanyak 60 peraturan. Jadi, setakat ini seperti yang saya katakan, kita ada

masa selama lima tahun lagi untuk mematuhi segala syarat yang ditetapkan di bawah ITTO, oleh itu kalau Ahli Yang Berhormat hendak yang 88 langkah kriteria itu, saya bolehlah berikan, tetapi saya rasa Ahli Yang Berhormat kalau boleh sabar, tunggulah sehingga tahun 2000 apabila semua peraturan itu telah muktamad bolehlah diberikan secara formal, secara rasmi.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi kepada ....

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Puan Rohani binti Abdul Karim:** Tuan Pengerusi, saya rasa ada dua perkara yang belum berjawab iaitu di bawah Kepala 110000 - Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah dan juga di bawah butiran 07700 iaitu Kajin Sumber Air Tanah, Sarawak.

**Cik Siti Zainab binti Abu Bakar:** Nanti dahulu, Yang Berhormat, saya pergi kepada Yang Berhormat dari Gelang Patah yang telah membangkitkan tentang pembersihan beberapa kilang kelapa sawit yang digunakan untuk eksperimen mereka, setakat ini kami tidak ada butir-butirnya, tetapi PORIM (Pusat Penyelidikan Kelapa Sawit) ada teknologi yang telah pun dipindahkan kepada pihak swasta yang dipanggil nobel triple process for palm oil mild affluence, dengan izin, yang sepatutnya pihak swasta boleh menggunakan atau mengambil teknologi yang telah dikenal pasti atau telah dipindahkan atau telah dijumpai di bawah Pembangunan dan Penyelidikan PORIM. Teknologi ini juga telah dipindahkan pada tahun ini kepada pihak swasta.

Berbalik kepada Yang Berhormat dari Santubong, saya hendak tahu tentang teknik-teknik baru atau perjumpaan-perjumpaan baru berkenaan dengan getah, ingin saya

memaklumkan bahawa RRIM (Rubber Research Institute Malaysia), dengan izin, telah mengenalkan klon baru iaitu klon siri 2000 untuk dipindahkan kepada petani-petani kerana klon ini mempunyai latex yang tinggi dan juga mempunyai hasil kayu getah yang begitu baik dan klon ini juga boleh ditanam dan boleh mengeluarkan hasil dalam jangka masa empat setengah tahun jika dibandingkan dengan klon-klon yang lain dan latex ini dipanggil dengan nama latex timber clon, dengan izin. Perjumpaan baru ini telah pun dipindahkan teknologinya untuk dilaksanakan oleh RISDA dan RISDA mempunyai rancangan untuk membekalkan klon-klon latex getah ini kepada pekebun-pekebun kecil dan pekebun kecil digalakkan menanam klon-klon ini secara meluas. Jadi, klon ini adalah berpenghasilan tinggi, hidupnya cergas serta cepat membesar dan purata kadar tumbesaran klon getah ini ialah 10 centimeter setahun. Klon ini, sepertimana saya katakan tadi mengeluarkan hasil kayu yang tinggi di samping pelan latex yang tinggi.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan yang lain. Yang mana saya tidak menjawab, saya akan mengambil catatan dan pihak saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM138,287,100 untuk Maksud B.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM138,287,100 untuk Maksud B.18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM28,528,810 untuk Maksud P.18 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1996 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM28,528,810 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1996.

**Maksud B.19 [Jadual]**

**Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan, 1996] -**

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.19 dan Kepala Pembangunan P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk di bahas. Marang.

**5.05 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]:** Assalamualaikum-warahmatullahi-wabarakatuh, Tuan Pengerusi. Berhubungan dengan B.19 - Kementerian Pertanian, saya ingin menyentuh Butiran 020000 - Pertanian, 040000 - Perkhidmatan dan 050000 - Perikanan. Dalam perkara pertanian, kita melihat bahawa objektif Kementerian Pertanian untuk mencapai ke tahap kegiatan pertanian yang menghasilkan keperluan makanan negara masih belum mencapai matlamat. Maka negara kita sehingga ini perlu mengimport bahan-bahan makanan dari luar negeri. Penumpuan yang begitu banyak di berikan kepada pertanian komoditi. Pada hal keperluan yang berhubung dengan makanan ini adalah satu perkara yang sangat penting dijayakan mengikut objektif Kementerian Pertanian, seperti yang disebutkan dalam Buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi.

Perkara ini sangat penting, bukan sahaja di masa aman, terutama semasa negara di dalam keadaan darurat, dalam keadaan dunia yang tidak menentu. Bahkan negara-negara maju dalam dunia, walaupun mereka memberi penumpuan yang begitu besar kepada perindustrian, mereka tidak mengabaikan peranan pertanian yang menghasilkan makanan

keperluan negara. Contohnya, negara Jepun. Kita melihat, bagi menggalakkan pertanian makanan, Jepun mengeluarkan subsidi yang begitu besar, bukan sahaja boleh mengeluarkan makanan bagi keperluan negara Jepun, tetapi menggalakkan petani-petani mengusahakan tanah mereka dan mereka tidak lari kepada kerja-kerja lain seperti yang berlaku dalam negara kita.

Begitu juga dengan Amerika Syarikat, memberi penumpuan yang besar juga kepada pertanian sehingga Amerika Syarikat tidak perlu mengimport makanan dari luar negara mereka, bahkan mereka membantu negara lain dan mengeksport keperluan makanan kepada negara lain. Begitu juga dengan Britain, Perancis dan lain-lain negara besar, oleh kerana itu maka usaha yang serius dan bersungguh hendaklah dilakukan oleh pihak kerajaan ke arah memajukan pertanian yang menghasilkan bahan-bahan makanan bagi keperluan negara. Maka saya mencadangkan supaya pihak kerajaan mengizinkan penerokaan tanah pertanian yang bersifat untuk menghasilkan keperluan makanan kepada petani-petani supaya mereka tidak dikejar oleh kerana meneroka tanah haram dan sebagainya yang kadang-kadang terdapat di kalangan mereka yang terpaksa meneroka tanah yang tidak diizinkan kerana tidak mempunyai tanah, walaupun tanah ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Maka suatu langkah daripada Kementerian Pertanian hendaklah diambil bagi menggalakkan pertanian makanan ini dengan memberi peluang meneroka tanah-tanah pertanian.

Yang kedua, bantuan dari aspek kepakaran, kemudahan dan lain-lain termasuklah kewangan. Walaupun sudah ada, hendaklah ditingkatkan lagi dan kerajaan tidak perlu berfikir untuk mengambil keuntungan daripada petani semata-mata tetapi hendaklah berfikir dari segi membantu mereka walaupun mengeluarkan kewangan yang tidak mendatangkan pulangan yang banyak kepada kerajaan kalau kerajaan boleh mengambil pulangan daripada sumber-sumber yang lain.

Seterusnya saya ingin menyentuh dalam perkara perikanan. Di sana terdapat ancaman kepada penghasilan ikan negara. Di antaranya menyentuh dengan pembiakan ikan, diancam oleh kegiatan perikanan sendiri yang tidak terkawal. Di antaranya ialah pukot tunda yang membunuh benih-benih dijadikan baja, dijadikan makanan haiwan dan lain-lain.

Di samping memusnahkan unjam-unjam, ia menjadi tempat mata pencarian kepada nelayan-nelayan yang lain daripada pukot tunda. Ada negeri-negeri yang mengambil langkah mengharamkan pukot tunda dan ada negeri yang mengawal bukan sahaja zon, ditetapkan zon yang tertentu bagi pukot tunda seperti yang dilakukan di Amerika Syarikat umpamanya. Mereka membuat peraturan dengan menetapkan saiz yang tertentu bagi ikan yang ditangkap. Yang tidak cukup saiznya mesti dilepaskan.

Ini adalah satu langkah yang diambil oleh mereka bagi mengawal pembiakan ikan. Dari sana terdapat industri pelancongan yang membina hotel-hotel, padang golf dan lain-lain, yang mencurahkan hakisan-hakisan yang banyak ke laut, yang tidak boleh dikawal dan membunuh karang-karang yang menjadi tumpuan kepada pembiakan ikan.

Begitu juga dengan sisa-sisa kilang yang dialirkan, yang disalurkan ataupun yang dicurahkan ke sungai-sungai menuju ke laut dan membunuh benih-benih ikan. Sehingga hari ini, tidak terdapat suatu kawalan yang begitu serius dan pembiakan ikan dalam negara kita tidak berkembang mengikut cara yang sewajarnya.

Bahkan kadang-kadang peraturan untuk mengawal pembiakan ikan ini tidak disedari, menyusahkan nelayan sendiri terutamanya nelayan-nelayan kecil. Kebiasaan mereka melakukan kegiatan-kegiatan di kawasan yang berhampiran dengan pulau-pulau, yang dikawal oleh Undang-undang Taman Laut di mana nelayan-nelayan kecil ini sedar sejak turun-temurun. Mereka tidaklah menjadi pengancam kepada pembiakan ikan sebenarnya

tetapi undang-undang yang ada, tidak membenarkan mereka melakukan kegiatan mereka di kawasan itu dan ini menyusahkan mereka.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan supaya nelayan-nelayan kecil ini dikecualikan. Hanya nelayan-nelayan besar dan kegiatan-kegiatan yang betul-betul memusnahkan, itu sahaja yang dilarang, yang dicegah. Nelayan-nelayan kecil ini tidak patut dilarang kerana mereka tidaklah menjadi suatu ancaman dan menjadi kegiatan mereka sejak turun-temurun.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Yang kedua, berhubung dengan nelayan, pasaran perikanan dalam negara kita. Walaupun berlakunya inflasi, naiknya harga ikan dan kita melihat mereka yang mengaut untung daripada perniagaan ikan ini bukannya nelayan-nelayan. Yang lebih mengambil manfaat ialah orang-orang tengah.

Walaupun sudah ada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan tetapi sehingga ini, orang-orang tenggallah yang banyak memainkan peranan menentukan harga ikan dalam negara kita, yang disentuh juga oleh masalah inflasi dan nelayan sendiri tidak mendapat nikmat daripada kenaikan harga ikan di mana hal-hal yang seperti ini sepatutnya diberi perhatian oleh pihak kementerian.

Jadi, saya kira itulah beberapa pandangan yang dapat saya kemukakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tuan.

**5.16 ptg.**

**Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran]:** Tuan Pengerusi, saya ingin membahas mengenai peruntukan di bawah Kementerian Pertanian - B.19 - Butiran 140000 dan juga P.19 - Butiran 25600.

Tuan Pengerusi, saya ingin membuat cadangan di sini mengenai Bank Pertanian Malaysia yang mana memainkan peranan begitu penting untuk membantu para petani dan juga nelayan di seluruh negara. Yang sedih ialah ia beroperasi bukan secara bank komersil, walaupun ia Bank Pertanian tetapi ia tidak dibenarkan untuk mengeluarkan cheque walaupun ia dibenarkan mengambil akaun. Tetapi menurut maklumat yang saya dapati, ia tidak boleh beroperasi seperti bank komersil biasa kerana tidak dibenarkan penggunaan cheque.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya bank ini diberi peluang untuk beroperasi seperti yang demikian supaya berurusan bukan melalui dengan urusan pengeluaran 'cash' sahaja. Ini penting oleh kerana terutama di luar bandar dan juga kejadian rompakan. Ini sangat penting di mana berurusan bukan dengan cara 'cash' tetapi melalui cheque supaya tidak akan terancam pihak bank dan juga para penyimpan akaun di Bank Pertanian di seluruh negara.

Di samping itu juga, saya ingin membuat saranan supaya Bank Pertanian diberi peruntukan lebih untuk diberi pinjaman bukan sahaja kepada pekebun-pekebun kecil tetapi juga pengeluaran makanan terutamanya supaya kita tidak bergantung kepada pengeluaran makanan yang diimport dari luar negara.

Saya juga berharap supaya agro-tourism diperkenalkan oleh Bank Pertanian lebih meluas oleh kerana memandangkan 'branches' ataupun cawangan-cawangan bank yang meluas di seluruh negara. Maka adalah sesuai jika mereka diberi peruntukan yang lebih untuk maksud ini, Tuan Pengerusi.

Saya juga ingin menyentuh tentang P.19 - Butiran 25600 iaitu Ternakan Ikan Dalam Sangkar. Baru tadi, Yang Berhormat dari Marang yang mengatakan bahawa sumber ikan ini perlu juga dipergiatkan sebagai sumber ekonomi negara.

Saya bersetuju supaya sumber ikan kita dipelihara dengan baik dan satu cara yang begitu berpotensi sekali ialah pemeliharaan ikan di dalam sangkar. Ini jelas di kawasan saya sendiri di Tuaran di mana ramai para nelayan memelihara ikan di dalam sangkar dan ia bukan sahaja menjadi sumber pendapatan kepada nelayan yang mudah diusahakan, tetapi ia menjadi satu daya penarik kepada pelancong. Saya harap, pihak kementerian akan mempergiatkan aktiviti ini di kalangan para nelayan dan membantu dari segi penyelidikan supaya perkhidmatan dari segi pemeliharaan ikan di dalam sangkar ini dapat diperluaskan.

Saya dapati bahawa ikan-ikan yang dipelihara di dalam sangkar itu juga mendapat jangkitan penyakit ikan. Jadi, saya rasa pihak kementerian perlu membantu para nelayan untuk membuat penyelidikan di dalam hal ini supaya pendapatan mereka tidak terjejas.

Satu perkara yang menyedihkan, terutama di kawasan saya di Tuaran ialah kegiatan-kegiatan perindustrian yang dilaksanakan berhampiran dengan kawasan laut di mana pemeliharaan ikan di dalam sangkar ini juga diusahakan oleh para nelayan. Apabila penimbusan tanah untuk perindustrian itu dilakukan, terutama KKIP, sudah tentu pollution di dalam laut akan timbul, maka kehidupan para nelayan akan terjejas.

Jadi, saya harap Kementerian Pertanian dapat menyelidiki keadaan ini oleh kerana perindustrian ini janganlah hanya menumpukan kepada hasil pengeluaran atau pun production orientated industry, tetapi hasil pengeluaran makanan secara tradisional juga perlu dijaga. Jadi, perlu ada keseimbangan dalam aktiviti ini. Oleh yang demikian, pihak kementerian, misalnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Pertanian haruslah ada kordinasi supaya perancangan tidak akan menjejaskan perancangan satu kementerian lagi seperti Jabatan Perikanan agar kegiatan para nelayan tidak akan terjejas.

Jadi, saya rasa itu sahaja yang saya ingin katakan dan saya harap pihak Kementerian Pertanian akan mengambil berat tentang pemeliharaan ikan di dalam sangkar ini dan juga membolehkan Bank Pertanian untuk menggunakan cek untuk membantu para penyimpan akaun di dalam bank.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Serdang.

**5.24 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan. Saya merujuk kepada Maksud P.19, Kementerian Pertanian. Saya akan menyentuh mengenai Pengairan dan Saliran.

Saya mendapati setiap negeri di Semenanjung Malaysia, termasuk Kerajaan Negeri Kelantan telah mendapat peruntukan di bawah Rancangan Pengairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Memelihara Sungai. Walaupun terdapat peruntukan-peruntukan ini, berlaku juga banjir setiap tahun. Baru-baru ini kita boleh menyaksikan melalui TV dan boleh membaca dari surat khabar ataupun mendengar daripada radio di mana banjir sentiasa berlaku di negara kita ini.

Masalah banjir yang berlaku akan menjejaskan kesejahteraan rakyat jelata, merosakkan harta benda, bahkan juga melibatkan nyawa dan mengganggu kehidupan harian. Adakah kementerian melalui JPS akan merancang dan mengkaji secara mendalam atau menjadikan satu pelan induk untuk mencegah banjir yang akan berlaku lagi, walau pun pelan induk yang dicadangkan ini mungkin tidak dapat menyelesaikan 100% masalah banjir dari berlaku, tetapi akan mengurangkan banjir yang sentiasa berlaku ini supaya rakyat jelata tidak akan menghadapi masalah dan menderita kerana banjir?

Maka itu, saya hendak mendapat maklumat yang lebih lanjut lagi atau huraian daripada pihak kerajaan cara mana kajian atau perancangan jangka panjang berkaitan dengan pelan induk ini dapat diberitahu di Dewan ini supaya rakyat jelata tahu Kerajaan Barisan Nasional benar-benar jujur untuk menjalankan rancangan untuk mencegah banjir yang sentiasa berlaku di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya perlu menegaskan bahawa peruntukan sebanyak RM4,750,000 telah diperuntukkan di bawah Rancangan Pengairan, Saliran, Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai di negeri Selangor. Ini memang tidak mencukupi kerana terdapat banyak juga kawasan, termasuk kawasan saya dilanda banjir. Kalau setakat peruntukan ini memang tidak mencukupi di mana kawasan-kawasan yang terlibat dengan banjir ini memerlukan peruntukan yang banyak.

Saya kemukakan masalah banjir di kawasan saya kepada pihak JPS dan jawapan yang diberikan oleh JPS mengatakan bahawa tidak cukup peruntukan untuk mengatasi masalah tersebut. “Tunggulah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh”. Saya harap, Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan dijalankan pada tahun hadapan akan dapat memberi faedah atau mengatasi masalah banjir di kawasan saya, termasuklah di kawasan Sungai Chua dan juga Seri Kembangan.

Saya merujuk kepada Butiran 072006 - Penempatan Semula Setinggalan yang diperuntukkan sebanyak RM2 juta. Di kawasan rizab JPS atau di kawasan sungai, wujud rumah-rumah setinggalan dan rumah-rumah setinggalan ini mudah dibina di sepanjang kawasan rizab JPS tanpa kawalan. Dengan adanya rumah-rumah setinggalan yang dibina di sepanjang Sungai Kelang telah menjadi masalah kepada pihak JPS untuk menjalankan kerja-kerja mendalam, membersih atau kerja-kerja penyelenggaraan.

Tuan Pengerusi, rumah-rumah setinggan di tepi sungai ini bukan sahaja menghalang kerja JPS atau mengindahkan sungai tersebut, tambahan pula, sampah-sarap sentiasa dibuang di dalam sungai tersebut dan menghalang air mengalir secara lancar.

Tuan Pengerusi, jika hakisan berlaku di Sungai Kelang tersebut, mungkin akan mengancam nyawa keluarga setinggan tersebut. Dengan demikian, pihak JPS hendaklah mengkaji cara mana untuk mengelakkan rumah-rumah setinggan dibina di sepanjang rizab JPS dan cara mana untuk menempatkan semula setinggan di rizab JPS.

Peruntukan sebanyak RM2 juta sahaja diperuntukkan untuk menempatkan semula setinggan, saya tidak tahu cara mana pihak kementerian akan mengaturkan supaya rumah-rumah setinggan di sepanjang reserve JPS atau di sepanjang Sungai Kelang ini dapat diselesaikan. Maka itu, saya mendesak pihak kerajaan memberi penjelasan lebih lanjut berkaitan cara mana rancangan penempatan semula setinggan akan dilakukan dengan peruntukan hanya RM2 juta tersebut.

Tuan Pengerusi, dengan adanya Butiran 17201 - Pembersihan Sungai Kelang (Pembinaan), sebanyak RM2 juta diuntukkan. Butiran 17202 - Pembersihan Sungai Kelang (Penyelenggaraan), sebanyak RM2.5 juta diuntukkan dan juga Butiran 17204 - Pengindahan Sungai Kelang sebanyak RM3.5 juta diuntukkan. Saya juga minta penjelasan atau maklumat lebih lanjut cara mana untuk menjalankan program-program yang telah diuntukkan kerana terdapat setinggan-setinggan di sepanjang Sungai Kelang. Kalau tidak dapat diselesaikan masalah setinggan di sepanjang Sungai Kelang ini, maka peruntukan yang diadakan di dalam butiran sepertimana yang saya sebutkan tadi itu akan sia-sia. Maka, penjelasan daripada pihak kerajaan perlu diberi supaya saya sebagai Wakil Rakyat yang terlibat dengan Sungai

Kelang ini dapat maklumat dan cara mana untuk mengatasi kesulitan di kawasan tersebut.

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mas.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada peluang. Sabar Yang Berhormat.

**5.34 ptg.**

**Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara mengenai B.19 di bawah jagaan Kementerian Pertanian. Yang pertama sekali iaitu di dalam Butiran 00200 dan Butiran 00202 - Bank Pertanian Malaysia dan juga Pinjaman Khas.

Tuan Pengerusi, saya rasa salah satu peranan Bank Pertanian Malaysia adalah untuk membantu petani-petani ataupun rakyat Malaysia yang betul-betul ingin ataupun ada minat terlibat untuk membantu negara kita ataupun negeri mereka masing-masing, dengan izin, to increase food production. Tetapi saya ingin bertanya kepada kementerian tersebut iaitu mengapakah Bank Pertanian Malaysia tidak dapat mengeluarkan ataupun memberi pinjaman kepada pemilik-pemilik lesen laut dalam sekiranya mereka ingin membina kapal yang bernilai atau berongkos kira-kira lebih RM1 juta. Saya difahamkan di Sarawak, Bank Pertanian Malaysia minta dengan izin, fixed deposit ataupun simpanan tetap ataupun tanah yang ada nilai. Saya rasa sebagai yang pernah bertugas di dalam bank komersil, untuk kaum bumiputera memang sukar sekali untuk memberi simpanan tetap sebagai salah satu cagaran untuk mereka meminjam daripada Bank Pertanian Malaysia. Saya difahamkan juga ini adalah satu daripada syarat-syarat yang ditetapkan daripada ibu pejabat.

Saya ingin bertanya bolehkah syarat-syarat ini dilonggarkan dan kita mengeluarkan ataupun memberi pinjaman dengan mengikut cash to cash basis. Kalau misal kata kita diberi lesen laut dalam dan Bank Pertanian Malaysia tidak dapat membantu untuk meminjamkan loan ataupun memberi wang supaya mereka dapat membina kapal ini di dalam negeri, bagaimana kita dapat membantu kerajaan ataupun negara to increase food production, dengan izin. Dan saya harap Bank Pertanian Malaysia ataupun kementerian dapat mengkaji semula supaya syarat-syarat yang diberi kepada pegawai-pegawai yang menjadi pegawai di peringkat cawangan dapat mengubahkan syarat itu mengikut keadaan dan suasana yang ada sekarang.

Di dalam Butiran 00400 iaitu Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), kita difahamkan LPN sudah di“corporatise”kan dan sekarang diganti oleh BERNAS. Saya ingin menyanan kepada Kementerian Pertanian iaitu di kawasan saya Bukit Mas, oleh kerana kawasan itu ada cuaca yang begitu baik, di kawasan dataran, ada satu jenis beras ataupun padi yang dikeluarkan di sana yang kita sebutkan sebagai nama tempatan “Beras Bario” ataupun “Beras Bakelalan”. Saya rasa Menteri Pertanian memang faham mengenai perkara ini dan Timbalan Menteri pun ada di sini, kalau boleh, bolehkah kita membantu petani-petani di kawasan saya di sana untuk memasarkan pengeluaran “beras Bario” ataupun “beras Bakelalan”. Untuk makluman Tuan Pengerusi ataupun Dewan yang mulia ini, kalau kita banding beras ini dengan beras tempatan, sangat enaklah, sedap dimakan. Di Pekan Lawas ataupun di kawasan saya, beras tempatan dijual berharga RM8 satu gantang dan “beras Bario” ataupun “beras Bakelalan” RM14 satu gantang. Bermakna ada premium, dengan izin. Dan saya rasa di kawasan saya ini ada kelebihan, dengan izin, there is more than supply. Bolehkah LPN ataupun BERNAS dapat membantu petani-petani di sana?

Mengenai satu perkara lagi iaitu Butiran 00500 - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Tuan Pengerusi, saya tinggal di Miri dan saya merasa bangga oleh kerana LKIM pun ada

menubuhkan satu kompleks iaitu di Miri dan satu di Bintulu dan Mukah, Belawai dan ada juga di tempat-tempat lain di Sarawak. Tetapi malangnya Tuan Pengerusi, saya rasa Kompleks LKIM yang ditubuhkan di Miri ini saya rasa tidak begitu berfungsi dan oleh kerana itu saya berharap Kementerian Pertanian dapat mengkaji semula bagaimana dapat membantu para nelayan tempatan, khususnya nelayan bumiputera oleh kerana salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menubuhkan Kompleks LKIM di Miri adalah untuk membantu nelayan bumiputera untuk memasarkan segala ikan ataupun membantu mereka dalam keperluan-keperluan yang lain yang ada kaitan dengan nelayan. Tetapi di Miri, saya rasa persatuan nelayan kawasan Miri pernah beberapa kali berdialog dengan, saya tidak pasti Menteri sekarang ataupun Menteri yang dulu dan memajukan rayuan supaya dapat mengkaji bagaimanakah Kompleks LKIM ini dapat berfungsi dengan secara berkesan. Oleh kerana itu, saya menyarankan sekiranya ada satu kajian yang betul-betul terperinci, kalau kementerian tidak dapat mengadakan itu, apakah salahnya sekarang ini banyak pakar-pakar swasta ataupun dengan izin, consultants from private sector, untuk membantu kita di dalam perkara ini.

Saya rasa begitu juga berkenaan dengan Komplek LKIM di Bintulu. Memang kadang-kadang kita merasa sedih juga, kerajaan betul-betul ingin membantu para bumiputera dan menanggung belanja untuk membina kompleks seperti ini dengan nilai berjuta-juta ringgit, tetapi malangnya tidak dapat membantu kita. Inilah masalahnya.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara ialah mengenai Lembaga Pertubuhan Peladang iaitu Butiran 00700. Di tiap-tiap negeri memang ada Lembaga Pertubuhan Peladang dan kita difahamkan juga waktu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan 1996, kita difahamkan Lembaga Pertubuhan Peladang di kawasan-kawasan tertentu dapat membantu ataupun merujuk supaya petani-petani dapat diberi pinjaman khas untuk membantu mereka.

Saya ingin bertanya di sini, dengan adanya syarat seperti begitu dapatlah ia berjalan dengan berkesan. Jadi bagaimanakah Kementerian Pertanian dapat menyalurkan atau menyebarkan maklumat yang begitu penting ini sampai ke peringkat pertubuhan peladang di peringkat negeri, daerah masing-masing. Jangan dibiarkan begitu sahaja di kawasan ini, walaupun kita sebagai wakil rakyat, kadang-kadang memberi komen, tetapi malangnya selepas itu syarat itupun masih tidak berubah, walaupun di dalam Dewan kita telah diberitahu. Maksud saya di sini iaitu tujuan kerajaan memang baik - bagus sekali untuk membantu petani-petani, rakyat termiskin, tetapi akhirnya peluang seperti begini tidak sampai ke peringkat bawahan.

Saya ingin bertanya bagaimanakah kementerian dapat membantu untuk menyebarkan maklumat yang terperinci seperti begini sampai ke peringkat bawahan supaya pada satu masa nanti ramai petani yang dapat mengambil peluang untuk meminjam loan daripada Bank Pertanian dengan sokongan daripada Lembaga Pertubuhan Peladang di kawasan-kawasan tertentu.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 01009 - Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, khusus yang dicatatkan di sini iaitu, Lembah Limbang/Semarahan. Limbang ini di Sarawak dan saya rasa Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu ini memang baik dan saya rasa, misal kata yang sedang berjalan di Semarahan ini begitu bermanfaat khusus kepada petani-petani di sana.

Saya ingin menyarankan sekali lagi, oleh keana ada terbabit sedikit di sini iaitu di dalam first term, dengan izin, Lembah Limbang ini adalah di kawasan saya. Sewaktu saya bersekolah pun, saya dengar Lembah Limbang, dengan izin, 'The Limbang Rice Bowl of Sarawak'. Tetapi setakat ini belum ada apa-apa, oleh kerana itu saya ingin menyarankan

sekiranya selepas Projek Pertanian Bersepadu yang telah dilaksanakan di Semarahan ini berjaya, apalah salahnya kita pilih lagi satu tempat di Sarawak, di hujung sekali iaitu di Limbang berdekatan dengan negara Brunei Darussalam dan juga negeri Sabah. Itulah yang saya ingin bangkitkan sekali lagi kerana di dalam anggaran perbelanjaan untuk tahun hadapan, iaitu sebanyak RM21 juta yang diperuntukkan memang khas untuk Semarahan.

Yang saya sarankan di sini, iaitu oleh kerana projek ini begitu baik sekali dan begitu berkesan untuk menaikkan taraf kehidupan petani-petani, saya minta supaya kementerian betul-betul kaji, tubuhkan satu Projek Pertanian Bersepadu di Limbang, oleh kerana ianya dekat dengan negara Brunei Darussalam, tidak payah kita memasarkan segala product, dengan izin, daripada kawasan itu.

Tuan Pengerusi, .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Sekejap sahaja.

Mengenai Butiran 17501 - Rancangan Menternak Lembu dan Kerbau, kalau boleh dikaji semula di kawasan saya di Limbang supaya betul-betul sesuai dengan keadaan dan banyak yang belum diperuntukkan sekarang, kalau boleh kementerian dapat mengkajinya.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Bukit Mertajam.

**5.45 ptg.**

**Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa Butiran dalam Maksud B.19 - Kementerian Pertanian iaitu Butiran 020000 - Pertanian; Butiran 030000 - Pengairan dan Saliran dan Butiran 050000 -Perikanan.

Saya ingin menyentuh ketiga-tiga perkara itu sekali gus, oleh kerana masalah yang saya bangkitkan itu adalah berkaitan dengan cara guna tanah di Seberang Perai yang sudah pun menyebabkan banjir kilat dan sebagainya. Berbagai-bagai badan seperti UDA, PERDA, KEDA sudah mengambil alih tanah-tanah di Seberang Perai, terutama sekali dahulunya tanah-tanah itu adalah sawah padi yang juga menjadi takungan air semasa hujan lebat. Beribu-ribu ekar tanah sudah diambil alih oleh badan-badan seperti itu dan sudah dimajukan sebagai tapak pembinaan perumahan. Oleh sebab itu, air yang banyak itu pada masa hujan lebat tidak ada tempat hendak pergi, seperti yang kita dengar 'water find its own level', dengan izin, air itu akan mencari tempat-tempat yang rendah seperti taman-taman perumahan yang dahulu dibina di tempat-tempat lembah. Masalah itu telah menjadikan satu banjir kilat, bila hujan lebat turun lebih daripada dua hari. Ini juga adalah masalah 'bersaling' menyebabkan satu sama lain, tanah sawah padi dikurangkan, menyebabkan pengurangan keluaran beras padi dan sebagainya untuk digunakan oleh rakyat jelata Malaysia dan kita terpaksa import beras daripada Thailand.

Tidak berapa lama lagi tentunya negara kita atau rakyat jelata negara kita akan terpaksa makan beras yang lebih mahal daripada sekarang. Jadi, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian untuk memastikan bahawa pada masa depan negara kita ada caranya untuk mengeluarkan beras yang mencukupi untuk rakyat jelata yang bertambah dalam bilangan. Pada masa yang sama kita mesti menjaga masalah pengairan dan saluran supaya di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Kita ada cukup luas takungan air yang boleh digunakan untuk mengisi air yang banyak, datangnya daripada hujan, sungai dan sebagainya supaya tidak membanjiri kawasan perumahan yang berdekatan dengan sawah padi itu.

Jadi, adakah JPS daripada Kementerian Pertanian itu mengambil langkah-langkah yang mencukupi untuk membuka parit-parit yang baru ataupun mendalamkan, melebarkan sungai-sungai yang sedia ada untuk memastikan saluran air itu boleh dijalankan dengan licin dan cukup untuk memastikan bahawa banjir kilat tidak berlaku seperti baru-baru ini.

Kita semua faham bahawa apabila berlaku sahaja banjir kilat, kerugian itu bukan sahaja dialami oleh petani-petani mahupun penghuni-penghuni di taman perumahan, jadi, oleh kerana kerugian yang besar selalu dialami oleh rakyat jelata, saya hendak merayu sekali lagi kepada Kementerian Pertanian supaya mempercepatkan projek-projek yang boleh dikatakan projek atau tebatan banjir untuk Sungai Jejawi, Sungai Tengah, Sungai Junjung, Sungai Rambai dan sebagainya di kawasan Seberang Perai Tengah.

Saya rasa khuatir sedikit apabila saya baca jawapan yang saya terima daripada Kementerian Pertanian kepada salah satu daripada soalan saya yang hujungnya berbunyi; "...Walau bagaimanapun, pada masa ini keperluan peruntukan tersebut masih dalam pertimbangan kerajaan." Masih dalam pertimbangan walaupun orang ramai sudah mengalami kerugian berjuta-juta ringgit. Ini sahaja jawapan yang saya terima daripada Kementerian Pertanian. Saya rasa jawapan seperti ini bukan jawapan yang diinginkan oleh orang ramai di kawasan Bukit Mertajam, kawasan Parlimen saya. Ini bukan sikap yang boleh diharapkan daripada kerajaan. Kita mahu satu sikap dan satu pendekatan penyelesaian masalah yang lebih serius dan lebih cepat - bukan masih dalam pertimbangan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 050000 - Perikanan, oleh kerana sawah padi digantikan dengan tapak-tapak perumahan, ingin saya mencadangkan satu cara untuk menyelesaikan masalah takungan air. Bolehkah kita menetapkan berapa luas tanah itu

dijadikan takungan air yang menjadi kolam ikan di mana kita boleh memelihara ikan air tawar dan bukan menjadi satu tempat yang tidak berfungsi atau tidak membawa faedah kepada kita. Bolehkah kita adakan kolam-kolam itu sebagai takungan air, sebagai satu langkah untuk mengatasi banjir dan juga sebagai satu langkah untuk menghasilkan ikan-ikan air tawar yang juga dapat dijual dengan harga yang tinggi di pasaran-pasaran Kuala Lumpur, Singapore dan Hong Kong. Saya rasa ini satu cara di mana Kementerian Pertanian boleh usahakan. Pada masa yang sama langkah ini boleh menolong kita menyelesaikan masalah banjir dan pada masa yang sama kita boleh menolong petani-petani mendapatkan hasil tambahan daripada tanah yang sama.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Butiran 020300 - Pembangunan Pengeluaran Beras. Saya rasa MARDI dan badan-badan penyelidik di bawah jagaan Kementerian Pertanian perlu mengambil langkah-langkah yang serius terhadap mencari jenis beras yang boleh mendapatkan hasil yang tinggi dan barangkali pada satu hari yang kemudian Kementerian Pertanian mesti mempertimbangkan pendekatan pertanian hidroponik dengan serius sekali kerana sawah padi sudah pun berkurangan lebih-lebih lagi dengan proses pengambilalihan oleh badan-badan seperti UDA, KEDA yang menjadikan tanah sawah padi menjadi tapak perumahan dan sebagainya. Kita mesti dengan secara serius mempertimbangkan alternatif menanam beras secara hidroponik untuk menghasilkan beras dengan keluaran yang lebih tinggi walaupun tanahnya lebih terhad.

Dengan kata-kata itu saya ingin meminta Kementerian Pertanian untuk memberikan satu pertimbangan dan satu tindakan yang lebih cepat terhadap penyelesaian kepada masalah banjir di kawasan saya dan juga tolonglah jaga pengeluaran beras negara. Jangan beri orang

ramai pada masa depan memakan beras yang lebih mahal daripada masa sekarang. Dengan itu, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kubang Kerian.

**5.50 ptg.**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Butiran 010300 - Kawal Selia Industri Padi; Butiran 060000 - Subsidi Padi dan Butiran 070000 - Subsidi Baja.

Tuan Pengerusi, dalam Kawal Selia Industri Padi, tanah-tanah yang baru mesti dicari untuk kita menambahkan kawasan padi dan tanah-tanah rang mesti digalakkan diusahakan untuk dijadikan kawasan tanaman padi.

Tuan Pengerusi, kajian perlu dibuat lebih awal dan dinasihatkan kepada petani tentang jenis racun dan baja yang akan digunakan. Kira-kira lima, enam tahun dahulu Kementerian Pertanian mengizinkan petani menggunakan racun serangga, racun ulat yang namanya saya tidak tahu tetapi ianya cap tengkorak. Racun itu bertujuan untuk membunuh ulat tetapi ulat tidak berapa mati dan yang mati adalah ikan. Ikan-ikan mati di sawah, bergelimpangan sehingga kita tidak sanggup melihat bagaimana ikan-ikan air tawar mati disebabkan racun cap tengkorak yang digunakan untuk membunuh ulat-ulat. Akhirnya, apabila ikan-ikan itu mati maka pusingan habitat tidak berlaku dalam sawah tersebut maka tumbuhlah pula berbagai-bagai jenis rumput dan berbagai-bagai binatang yang lain yang menguasai sawah yang akhirnya menyebabkan padi tidak menjadi.

Mutakhir ini, yang menghalang para petani mendapat hasil yang banyak dan perkara yang sukar mereka hendak hapuskan ialah 'gondang emas' yang melanda kawasan-kawasan padi terutama di Tanjong Karang, Perak dan juga sebahagian di Kedah. Apakah usaha pihak

Kementerian Pertanian mencari jalan bagaimana untuk memusnahkan gondang emas yang menyebabkan hasil padi berkurangan sekarang ini. Adakah kajian menyeluruh dibuat dan jenis racun diperkenalkan supaya serangga-serangga tertentu dan gondang emas dapat dibunuh, ikan terpelihara, dan padi dapat tumbuh dengan baik.

Teknologi-teknologi hal kajian tanah dan pertanian mestilah dipertingkatkan. Kalau tidak ada teknologi dalam negeri, kita mesti keluar negeri untuk mendapatkan teknologi terakhir sepertimana kita lihat di Thailand di mana padi mereka subur dan ikan juga subur dalam sawah padi mereka dan rucun yang mereka gunakan dapat memusnahkan serangga pemusnah padi. Harap pihak Kementerian Pertanian mengambil perhatian serius dalam hal ini kerana kita lihat hasil padi berkurangan walaupun keluasan yang sama yang diancam dengan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, subsidi padi kita lihat di peruntukan 1996 sebanyak RM400 juta, ertinya tidaklah hendak dibatalkan. Kerana kita berasa bimbang mutakhir ini ucapan pemimpin-pemimpin supaya jangan jadikan masyarakat kita masyarakat subsidi. Betul, dalam perkara tertentu kita tidak mahu masyarakat subsidi tetapi untuk penanam padi subsidi adalah diperlukan. Bukanlah kita hendak malu hal subsidi ini bahkan di negeri Jepun sendiri memberikan subsidi yang cukup tinggi sehingga di bidang pertanian ini subsidi sampai ke peringkat lebih daripada 90%.

Amerika dan Jepun sekarang bertelagah dalam masalah ini kerana Jepun tidak mahu membuka pasaran pertaniannya kepada Amerika sebab kalau Jepun membukanya, ia akan lebih murah mengimport padi dan juga bahan-bahan makanan daripada Amerika daripada mereka memberi subsidi kepada petani mereka. Tetapi Jepun tetap dengan dasarnya iaitu melindungi petaninya walaupun mereka terpaksa memberi subsidi sehinggalah ke 90% dan

kita lihat rakyat Jepun walaupun di sana negeri industri, rakyatnya yang mengusaha dalam bilang pertanian tidak meninggalkan kampung halaman dan pertanian mereka untuk bekerja di industri. Tetapi kita sekarang, kita lihat bahawa rakyat semakin meninggalkan pertanian untuk bekerja dengan industri.

Tuan Pengerusi, 010200 - Rancangan dan Pembangunan. Kita lihat, bila kita naik kereta daripada Terengganu, Maras sampai ke Pasir Puteh, kita ikut jalan pantai kita lihat tanah yang luas, kebanyakannya terbiar dan tanamannya tidak menjadi. Tanahnya berpasir, sehinggalah ke Pasir Puteh, Maras, Terengganu, sampai ke Pasir Puteh, di sebelah pantai. Yang kita lihat ialah pokok-pokok gajus, pokok janggus atau pokok ketereh terbiar tumbuh di sana sini tepi pantai itu. Adakah kajian menyeluruh dibuat di kawasan ini supaya dibangunkan satu kawasan pertanian? Jikalau padi tidak sesuai, adakah kajian dibuat. Pertanian jenis apa yang sesuai di sini? Sebab kami di negeri Kelantan memang subur buminya, tetapi di Pasir Puteh agak kurang subur. Dan samalah juga dengan di sebelah pantai di Terengganu, daripada Maras sampailah ke Pasir Puteh. Adakah kajian dibuat oleh pihak Kementerian Pertanian dan untuk direkomenkan kepada masyarakat di situ corak pertanian untuk ditebus guna tanah di daerah itu, termasuk di Pasir Puteh dan juga di Terengganu ini supaya mereka dapat mengusahakan satu tanaman baru yang boleh mendatangkan hasil kepada mereka?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Butiran 110000 - KADA. Di sini saya ingin bertanya tentang 'Projek Kampungku Syurgaku' yang diusahakan di Melor, di talir air dekat Melor. Tahun 1993 diura-urakan Perdana Menteri akan datang merasmikan Kampungku Syurgaku. Kerajaan telah menghabiskan wang begitu banyak, termasuk membeli pokok kelapa yang

harganya berpuluh dan beratus ringgit untuk ditanam di situ. Kemudian tidak jadi rasmi, sekarang projek itu terbengkalai. Dahulu kawasan ini dalam kawasan Parlimen saya Nilam Puri, dan sekarang telah menjadi kawasan Peringkat. Saya ingin bertanya apakah projek ini akan diteruskan ataupun dibiarkan terbengkalai begitu sahaja? Saya juga ingin bertanya pihak Kementerian Pertanian sudah banyak manakah perbelanjaan dikeluarkan untuk Projek Kampungku Syurgaku di Melor, Peringkat ini, dan apakah kerajaan hendak membiarkan ataupun hendak meneruskan untuk menyiapkan projek tersebut, memandangkan projek itu telah berjalan begitu lama dan masih lagi tidak dirasmikan sehingga sekarang?

Tuan Pengerusi, Butiran 120000 - LKIM yang diperuntukan belanja yang agak banyak - RM28 juta. Saya ingin bertanya di sini kenapa industri perikanan kita merosot kebelakangan ini? Thailand telah mendahului kita begitu jauh, sehingga Thailand sekarang sudah menjadi pusat pengumpulan ikan bagi negara ASEAN. Bahkan ikan di laut dalam kita dipunggah di antara kapal ke kapal untuk dihantar ke Thailand, dan daripada Thailand mungkin ikan itu dieksport semula ke Malaysia. Ertinya, Thailand telah mendahului jauh dalam bidang perikanan ini, sehingga mereka dapat ambil ikan-ikan di lain negara dan Thailand sudah menjadi pusat pemunggahan ikan sekarang ini bagi negara ASEAN. Apakah usaha-usaha LKIM untuk mengatasi perkara ini supaya ikan yang ditangkap di perairan kita kalau boleh dipunggah di tempat pelabuhan-pelabuhan kita, dengan itu kita akan mendapat ikan yang lebih murah untuk negara kita ini? Persoalan yang kita lihat dalam bidang pertanian perikanan ini, kita nampak kita ketinggalan.

Begitulah juga kita lihat dalam ternakan udang. Kalau kita pergi ke Narathiwatt, ke Patani, kita boleh lihat bagaimana mereka mengusahakan ternakan udang yang begitu berjaya. Kita di sini, ternakan udang ada yang berjaya, tetapi kebanyakannya lingkup,

termasuk yang diusahakan di Pantai Merdeka dan sebagai. Adakah tanahnya tidak sesuai, kajian air masin dan sebagainya dan tidak diperjelaskan kepada pengusaha yang menyebabkan ternakan udang tidak begitu berjaya kalau dibandingkan di Narathiwatt dan di Patani yang cuaca dan keadaan tanahnya hampir sama dengan kita.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 11200 - Rancangan Pengairan dan Saliran Mencegah Banjir dan Pemeliharaan Sungai di Kelantan. Terima kasih peruntukan diberi sebanyak RM12 juta untuk tahun depan. Sudah empat tahun kebelakangan ini banjir di Kelantan, alhamdulillah, tidaklah begitu besar kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang sebelum ini. Peruntukan kalau digunakan dengan baik, kita yakin bahawa hendak mengelakkan banjir seratus peratus memanglah sukar, terutama di negeri Pantai Timur. Tetapi kebelakangan ini, kita lihat empat tahun kebelakangan ini banjir tidaklah begitu besar di negeri Kelantan. Tahun ini tidak tahu lagilah kerana air sedang naik sekarang. Banjir yang berlaku di Kelantan sekarang ini bukan lagi limpahan daripada air sungai yang datang daripada hulu. Tetapi yang berlaku sekarang ialah hujan yang turun begitu lebat di kawasan Kota Bharu, di lembah di situ, dan masalah saluran-saliran yang tidak begitu sempurna yang menyebabkan air lambat mengalir ke sungai dan ke laut dan ia menjadi banjir sementara.

Kita harap masalah ini, walaupun RM12 juta digunakan untuk sungai, tetapi kalau saluran-saliran yang lain tidak dibersihkan selalu, kerjasama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, maka hujan yang lebat, yang tidak datang daripada hulu pun boleh menyebabkan banjir. Walaupun ia tidaklah begitu merbahaya lagi, tetapi kalau air yang sepatutnya tidak banjir ini, air ini bertakung di situ, datang air hulu, kemudian di laut pula musim air mati, maka ia akan bertembung tiga saluran air ini, menyebabkan banjir besar. Kita boleh mengelakkannya kalau saluran yang baik berlaku di kawasan Lembah Kota Baru, maka air

hujan yang turun sehari-hari itu dapat dilarikan segera ke laut, kalau tiba air hulu, ia hanya bertembung dengan muara laut, maka kuranglah sedikit banjir yang sehari-hari berlaku di Kelantan sebelum ini. Tuan Pengerusi, sekian.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Kota Melaka.

**6.07 ptg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 - Pertanian, dan juga Butiran 010000 - Program/Aktiviti, Butiran 010300 - Kawal Selia Industri Padi. Saya hendak bertanya tentang penswastan LPN dan juga Syarikat Padi Beras Nasional Bhd. (BERNAS), apakah kemajuan tentang penswastan BERNAS ini?

Tuan Pengerusi, apabila perkara in dibangkitkan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan bahawa beliau tidak tahu-menahu tentang penswastan BERNAS - sebanyak RM199,914,000. Sungguhpun penswastan ini telah diumumkan dan dikatakan telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri. Saya amat hairan macam mana Timbalan Perdana Menteri tidak tahu-menahu tentang satu penswastan sebuah syarikat berkanun kerajaan yang begitu penting dan kritikal kepada ekonomi dan sektor pertanian negara kita.

Apa yang lebih menghairankan ialah tentang penyelewengan dan kegagalan mematuhi atur cara penswastan dalam BERNAS. Saya menyatakan demikian, Tuan Pengerusi, kerana modal berbayar BERNAS hanya RM3.00 tetapi aset bersihnya adalah RM282.8 juta. Tetapi ia diswastakan hanya dengan harga RM199,914,00 iaitu kalau syarikat yang berjaya mendapat penswastan ini menjual BERNAS, dia boleh meraih keuntungan sebanyak RM83 juta. Kesemua penswastan ini dijalankan tanpa tender terbuka.

Saya hendak bertanya mengapakah keadaan sedemikian boleh diluluskan? Saya tahu kerajaan akan jawab ini berdasarkan 'first come first serve basis.' Ini bukan first come first serve basis. Ini saya katakan, Tuan Pengerusi, colonialism, favouritism, corruption,

sophisticated sedikitlah, lebih canggih. Rasuah secara canggih, di mana pihak tertentu yang rapat dengan kerajaan boleh mendapat kontrak ini. Siapakah di belakang syarikat-syarikat ini? Siapakah pihak di belakang syarikat-syarikat ini? Kita tahu! Termasuk seorang Menteri Besar, yang pada satu masa, pemilik saham syarikat yang berjaya mendapat penswastaaan ini. Saya hendak tahu daripada pihak Kementerian Pertanian, adakah penswastaaan ini sekarang yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri pada sesi yang lepas telah diluluskan adakah ia telah dilaksanakan atau ia masih menunggu kelulusan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri seperti yang dinyatakan oleh beliau pada sesi yang lepas?

Saya pun amat kecewa bahawa penswastaaan ini tidak mengambil kira pandangan pihak-pihak yang terlibat khususnya pemborong-pemborong beras di mana Presiden pemborong-pemborong beras Encik Ng Chee Lian menyatakan bahawa beliau tidak tahu langsung, hanya bila baca surat khabar, hanya bila perkara ini dibangkitkan oleh saya pada sesi lepas baru dia tahu BERNAS telah diswastakan. Dia terkejut bahawa sungguhpun dia rapat dengan parti MCA, tetapi MCA pun tidak beritahu dia. Mungkin MCA pura-pura tidak tahu atau betul-betul tidak tahu.

Ini, saya rasa MCA mesti jelaskan, mengapa mereka tidak mengambil kira, mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong beras dalam penswastaaan BERNAS ini. Ini kenyataan yang dikeluarkan oleh beliau secara terbuka. Beliau berasa tidak puas hati bahawa penswastaaan ini tidak mengambil kira masalah yang dihadapi memandangkan BERNAS akan mendapat monopoli, dari segi mengimport apa-apa jenis beras dan monopoli sedemikian, selepas diswastakan akan menjejaskan perniagaan mereka.

Apakah tindakan oleh MCA dalam perkara ini? Menang besar dalam pilihan raya besar bukan setakat itu sahaja, pun mesti menjalankan kerja dan saya tidak nampak apa kerja yang mereka jalankan kecuali jadi 'yes man' sahajalah. Budaya burung belatuk adalah. Saya ingat

budaya burung belatuk, Tuan Pengerusi, [*Beberapa orang ahli mencelah*] mereka pun tahulah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat yang lain, jangan mencelah macam itu.

**Dr. Tan Chong Keng:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ada yang bangun, ya. Kota Melaka. Bukit Mertajam.

**Dr. Tan Chong Keng:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila.

**Dr. Tan Chong Keng:** Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dari MCA tidak buat kerja, apakah kerja yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP? Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tugas Ahli Parlimen DAP, selain daripada berkhidmat untuk rakyat ialah untuk menjalankan tugas seperti yang ditetapkan iaitu yang ditetapkan dalam ikrar sumpah di Perlembagaan, menegakkan, mempertahankan Perlembagaan, membongkarkan alarasuah seperti kes ini dan mempertahankan hak rakyat supaya apabila sesuatu penswastaaan dijalankan.

**Dr. Tan Chong Keng:** Minta penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ia tidak akan merugikan rakyat. Saya hendak habiskan.

**Tuan Wong Kam Hoong:** [*Bangun*]

**Dato' Yap Piau Hon:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, ada dua...

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya akan beri, Serdang saya akan beri kerana dia ada berikan yang lepas, tetapi saya akan beri.

**Dr. Tan Chong Keng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]** Ada tiga orang peminat ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya akan beri, dia sudah berikan satu chance. Baik balik kepada Serdang lagi, tetapi nanti saya habis....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Tetapi Kota Melaka....

**Tuan Lim Guan Eng:** Habis kenyataan ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Kota Melaka diingatkan, sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Jadi Yang Berhormat cakap dasar. Saya tidak akan benarkan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya cakap sebelum ini, Tuan Pengerusi, sungguh pun cakap begitu...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bukan orang baru ya. Ya, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Pengerusi pun bukan orang baru. Sama juga. Tadi semua pun serupa, oleh sebab itu, saya hendak tanya mengenai kawal selia industri padi secara spesifik dalam penswastan BERNAS, apakah kedudukannya?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Sila.

**Dato' Yap Pian Hon:** Terima kasih kerana Yang Berhormat dari Kota Melaka sentiasa menyentuh dengan Parti MCA dan saya minta penjelasan kalau DAP ada kerja memang saya tahulah, tetapi satu perkara saya minta penjelasan daripada Kota Melaka, apa sebab beliau memburukkan imej Malaysia dalam wawancara yang disiarkan melalui BBC

sebab ini merupakan satu tindakan yang sangat buruk kepada Malaysia. Apa kah sebab buat demikian iaitu merosakkan imej Malaysia melalui BBC?

**Tuan Lim Guan Eng:** Macam mana Tuan Pengerusi? [*Beberapa orang ahli menyenpuk*]. Saya rasa Yang Berhormat dari Serdang, dia ini tidak ada tengok wawancara itu, dia hanya dengar daripada pihak ketiga dan dia sungguh tidak bertanggungjawab. Kalau dia sendiri tidak nampak, dia hendak buat komen, saya rasa dia tidak layak langsung.

Oleh sebab itu, saya rasa kalau begitu saya tidak payah jawab kerana saya tidak ada buat apa-apa yang merugikan atau tidak memanfaatkan rakyat Malaysia. Saya hanya menjawab bahawa kerajaan gagal mempertahankan golongan miskin khususnya setingan kerana Parti MCA seperti Yang Berhormat membantu dan membela golongan kaya, dan saya rasa saya tidak mahu....

**Dato' Yap Pian Hon:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun, Yang Berhormat, Serdang bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah satu kali sudah cukuplah. Saya hendak teruskan ucapan saya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu. Itu sebab saya tidak berikan jalan dan saya harap Yang Berhormat dari Serdang perlu ingat sedikit bahawa kegagalan..

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** ...untuk mempertahankan hak pemborong-pemborong beras, apakah jawapan Yang Berhormat dari Serdang, bila mereka ini merupakan penyokong kuat

Parti MCA. Adakah ini balasan apabila penswastaan dijalankan, mereka tidak diberitahu langsung. Saya tidak tahulah. Saya hendak tanya Yang Berhormat Serdang saya pun segan kerana Yang Berhormat dari Serdang naik Pengerusi MCA...

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun ni.

**Tuan Lim Guan Eng:** ....patut jadi Menteri atau Timbalan Menteri, tetapi tidak ada peluang, tidak ada chance langsung.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk, lagi pun ini saya kira cakap dasar.*[Menyampuk]*.

**Tuan Lim Guan Eng:** Itu sudah saya cakap dia ini tidak ada chance langsung, kalau saya hendak berikan dia chance MCA tidak mahu berikan dia chance mengapa saya hendak beri dia chance, itu yang saya tidak faham. MCA mesti beri dia chance menjadi Timbalan Menteri dahulu, dia Naib Pengerusi, tetapi dia punya jawatan macam biasa, lebih teruk daripada pemimpin lain.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya harap bahawa *[Disampuk]* pihak kementerian....

**Dato' Loke Yuen Yow:** Hentikan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Jangan mencelah-celah macam ini, di sini bukan budak-budak sekolah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri diingatkan kalau hendak mencelah, minta penjelasan. Jangan buat macam itu. Masa sudah cukup ya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Rohani binti Abd. Karim:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Santubong.

**6.14 ptg.**

**Rohani binti Abd. Karim [Santubong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi saya ingin menyertakan diri dalam perbahasan di bawah Kementerian Pertanian iaitu di bawah Butiran 09000 iaitu di bawah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Saya ingin mendapat tahu dari kementerian iaitu mengenai keberkesanan sistem pemasaran khasnya bagi memasarkan hasil-hasil petani-petani khasnya di Sarawak. Kita selalu mendengar sungutan daripada para petani atau peladang iaitu masalah yang selalu didengar adalah pengeluaran ada tetapi tiada siapa yang memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

FAMA telah mewujudkan banyak pasar tani tetapi ini, saya rasa, tidak mencukupi atau hanya ini adalah hanya satu outlet sahaja bagi pengeluaran pertanian, ini pun hanya dua kali dalam seminggu. Adakah ini masalah penyelarasan antara FAMA dan petani ataupun dari segi kualiti pengeluaran mungkin ditahap yang rendah atau apakah juga mungkin menjadi masalah dari segi penerimaan pengeluaran tersebut?

Saya ingin beralih kepada butiran 12000 LKIM dan juga kepada butiran 130000 Lembaga Pertubuhan Peladang, sekali gus. Saya ingin mendapat tahu daripada kementerian iaitu dari segi meningkatkan kedudukan sosioekonomi masyarakat nelayan dan peladang. Ini termasuklah meningkatkan produktiviti dan juga membasmikan kemiskinan dan mewujudkan golongan nelayan pantai dan peladang yang lebih profesional. Apakah juga aktiviti-aktiviti di bawah pembangunan masyarakat nelayan dan peladang yang bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat nelayan dan peladang yang berdaya maju, berdikari dan bersikap inovatif serta, dengan izin, sustainable.. Janganlah kumpulan ini sentiasa dibelenggu oleh kemiskinan sehingga ramai yang telah mencari pekerjaan lain dan menjadi pula sebagai nelayan dan peladang sampingan. Ini amat membimbangkan dan ini saya rasa ini adalah satu kumpulan

yang amat kita perlukan, memandangkan kumpulan inilah yang menghasilkan pengeluaran bahan-bahan makanan asas negara kita.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimanakah caranya untuk kita menjadikan penangkapan ikan dan bercucuk tanam ini sebagai satu pekerjaan yang bertaraf profesional? Kita selalu mendengar mengenai Wawasan 2020 dan kita telah dapat beberapa penemuan-penemuan yang begitu canggih. Tetapi, bagaimana pula halnya iaitu bagaimanakah kita dapat mengangkat martabat atau pekerjaan nelayan dan peladang ini sebagai satu pekerjaan yang bertaraf profesional. Kita dengar dan kita lihat, khasnya di negara-negara Barat di mana golongan inilah, golongan yang mewah dan termaju di antara profesion-profesion lain. Jadi, saya ingin mendapat tahu daripada pihak kementerian, apakah cadangan yang dapat dimajukan bagi mencapai cadangan yang saya sebutkan tadi.

Di bawah pembangunan iaitu di bawah Butiran 04100 - Rancangan Bantuan Lada Hitam dan juga di bawah Butiran 04400 - Rancangan Subsidi Sago. Saya ingin bertanya kementerian, apakah penemuan-penemuan yang telah diperolehi dan bagaimana halnya dengan pasaran-pasaran baru yang telah kita tembusi bagi mempromosikan komoditi lada hitam dan sago ini?

Butiran 020000 - Pertanian, khasnya di bawah program 020300 - Pembangunan Pengeluaran dan 020400 - Perlindungan Tanaman.

Saya telah difahamkan bahawa beberapa penemuan-penemuan baru telah didapati dan diperolehi iaitu dari segi meningkatkan produktiviti dan juga cara menggunakan kaedah agronomi yang moden serta yang lebih sihat. Saya difahamkan bahawa banyak kajian telah dijalankan untuk mencapai matlamat ini. Sebagai contoh, iaitu tanaman dalam kelambu dan berbagai lagi.

**Seorang Ahli:** Dalam kelambu?

**Puan Rohani binti Abd. Karim:** Ya, memang betul. *[Ketawa]* Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskan, memang ada, bukan manusia sahaja dalam kelambu, tetapi tanaman pun ada dalam kelambu. Jadi, apakah kaedah-kaedah baru yang diperolehi dan bagaimanakah penyibaran maklumat ini terus kepada peladang iaitu khasnya sampai ke peringkat akar umbi atau peringkat kampung? Jadi, bagaimanakah penemuan ini dari segi kos penyelenggaraan? Sebab, memang kita tahu kaedahnya begitu canggih tetapi kalau kosnya terlalu mahal, jadi, ini mungkin menimbulkan masalah kepada peladang atau masalah pelaksanaan.

Jadi, mampukah peladang kita menggunakan kaedah yang baru ini dan bagaimanakah pula pihak kementerian akan membantu petani-petani atau peladang-peladang kita menggunakan dan melaksanakan kaedah-kaedah ini?

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah sahaja beberapa cadangan daripada saya dan saya sangat berharap agar ianya dapat sedikit sebanyak dijelaskan di dalam jawapan nanti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Seremban.

**6.25 ptg.**

**Dato' Hon Choon Kim [Seremban]:** Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk berbahas.

Tuan Pengerusi, saya rasa sangat kesal tentang cara Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, cara dia berbahas. Sebenarnya apa masalahnya kedudukan kawan saya Ahli Yang

Berhormat dari Serdang, sebenarnya beliau menjalankan tugas begitu baik, dia tidak kira kedudukan ....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Bagan bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Baru sahaja bangun untuk bercakap, duduk dahulu!

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Dia bangun atas peraturan mesyuarat, sekejap Yang Berhormat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Okay.

**Tuan Lim Hock Seng:** Dia berbahas tidak ada kena mengena dengan ....

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Saya belum pasti, nanti sekejap, sudah jelas.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Jangan buang masa.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau mukaddimah saya izinkan, tetapi Yang Berhormat kena bangkitkan butiran yang berkenaan. Sebab dia tadi itu, dia bangun tetapi tanpa peraturan mesyuarat yang betul.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, ini mukaddimah yang saya bangkitkan. Jadi, apa masalah kedudukan dalam kerajaan, walaupun tidak ada memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan, Ahli Yang Berhormat dari Serdang juga menjalankan tanggungjawab dengan begitu baik, jadi apa salahnya? *[Tepuk]* Jadi, cara bercakap macam ini memang saya rasa sedih terhadap style Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Saya rasa ini kurang pelajaranlah, Tuan Pengerusi. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Pelajarankah ataupun pengajaran? Itu ada beza!

**Dato' Hon Choon Kim:** Kurang pelajaran, itu saya tidak mahu gunakan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ya, Timbalan Menteri bangun pula. Hendak minta penjelasan ya?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Baik.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Saya hendak minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Seremban bahawa dia bersetuju atau pun tidak, oleh kerana sikap-sikap seperti Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu, macam itulah dia boleh mempengaruhi undi-undi DAP, dia pun dapat undi yang lebih dari bapa dia. *[Ketawa]*

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, tetapi ini dia bernasib baiklah, bukan selalu dapat, satu kali boleh dapat, dua kali boleh dapat, tetapi kali ketiga mungkin tidak dapat lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Chang Kon You:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ipoh Timor bangun.

**Dato' Hon Choon Kim:** Silakan.

**Tuan Chang Kon You:** Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Seremban bersetuju bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini dia dapat jawatan sebagai Penolong Setiausaha di dalam parti DAP oleh kerana perhubungannya dengan bapanya, kalau tidak ada bapa dia, dia tidak akan dapat kedudukan Penolong Setiausaha. Bersetuju atau tidak?

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ahli Yang Berhormat yang berkenaan diingatkan, *[Ketawa]* walaupun ini mukaddimah tetapi saya rasa baliklah kepada butiran yang berkenaan, jangan meleretlah, panjang sangat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, saya memang bersetuju Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor, memang bersetuju pandangan dia. *[Ketawa]*

**Tuan Lim Si Chen:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Senai bangun Yang Berhormat, ramai peminat ini.

**Tuan Lim Si Chen:** Saya ingin meminta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari Seremban, adakah sama ada dia bersetuju, sepatutnya Ketua Pembangkang adalah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, adakah Yang Berhormat bersetuju?

**Dato' Hon Choon Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** Point of order.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Bagan bangun, peraturan mesyuarat yang ke berapa?

**Tuan Lim Hock Seng:** 36(1).

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** 36(1), ya, sebutkan Yang Berhormat. 36(1), biasanya, ini saya rasa kurang tepat.

**Dato' Hon Choon Kim:** Dia pun tidak tahu, dia tidak baca.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu, Yang Berhormat. Sabar, tetapi saya hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Seremban dan juga lain-lain peminat yang hendak menyoal tentang perkara yang sama, yang saya rasa tidak relevan, tidak

bersabit dengan apa yang kita hendak bahaskan. Sebab sekarang ini kita berada dalam peringkat Jawatankuasa, balik kepada tajuk ya, Seremban.

**Tuan Liew Ah Kim:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Ini ada seorang lagi peminat. Seputeh bangun. Ya, dia tidak beri jalan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Dia bukan kawan saya, saya tidak mahu beri.  
*[Ketawa][Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Hon Choon Kim:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, saya ingin beralih kepada Maksud B.19 Butiran 00911 - Ladang Ternakan Khinzir.

Tuan Pengerusi, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, bahawa Kerajaan Negeri Sembilan akan melaksanakan satu pusat ternakan khinzir berpusat (PFA) di kawasan Bukit Pelandok dan projek ini dijangka akan disiapkan pada tahun 1997. Baru-baru ini penternak-penternak di kawasan itu telah mendapat arahan daripada Pengarah Haiwan Negeri Sembilan bahawa semua penternak-penternak di luar kawasan Bukit Pelandok ini perlulah menyiapkan kolam pengoksidaan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Dato' Hon Choon Kim:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Masa sudah suntuk. Ahli Yang Berhormat ada masa selama lima minit lagi, Ahli Yang Berhormat boleh sambung besok.

**Dato' Hon Choon Kim:** Terima kasih, baik.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

**Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]:** Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.***